



MALAYSIA

**Hari Rabu
14hb Januari, 1976**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2245]

USUL-USUL:

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1976 [Ruangan 2281]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1976
[Ruangan 2281]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1976 [Ruangan 2282]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1976 [Ruangan 2283]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1976 [Ruangan 2283]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1976
[Ruangan 2284]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1976
[Ruangan 2285]

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1976
[Ruangan 2286]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1976 [Ruangan 2286]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1976 [Ruangan 2287]

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1976 [Ruangan 2288]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

Ordinan Eksnis, Sarawak—

Perintah Duti Eksnis (Pindaan), 1976 [Ruangan 2289]

Ordinan Eksnis, Sabah—

Perintah Duti Eksnis (Pindaan), 1976 [Ruangan 2290]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2337]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rancangan Kelangka (Pindaan) [Ruangan 2290]

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) [Ruangan 2303]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Bumiputra Dalam Bidang Perakwaan [Ruangan 2337]

DIKETAH GLEN

**IRAHIM BIN JUBARI, P.I.S., KETUA PUNJARAN PERCHITARAN
GERAKAN UMMA MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

1978

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

" Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

" Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P. S.P.D.K. (Temerloh).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

" Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

" Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

" Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

" Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

" Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

" Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

" Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

" Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

" Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

" Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

" Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,
S.P.M.K., (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N. P.M.P., (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA alias HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan
Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Bau-Lundu).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN
HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN
(Baram).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " TAN SRI ABDUL AZIZ YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- " TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- " TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- " DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P. P.N.B.S.,
S.I.M.P. (Payang).
- " TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- " TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- " TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITMINN (Jasin).
- " PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- " TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- " TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk-Sugut).
- " TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- " TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- " TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.
(Kulim-Bandar Baharu).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- " TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- " TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- " PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- " TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- " TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- " TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- " DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Samarah).
- " TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- " TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- " DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- " TAN SRI SYED JAAFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- " TUAN JAAFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHIO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Benders).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARU (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- " TUAN HAJI MOHD. TAUFEEK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- " DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TUAN S. SAMY VELU, A.M.N. (Sungai Siput).
- " TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- " DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- " TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- " TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- " TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- " TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- " TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- " TUAN TING LING KEW (Bintulu).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " TUAN HAJI YUSOP RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Haamuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Lois Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Subor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 14hb Julai, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENGGANAS KOMINIS

1. **Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berhubung dengan peristiwa yang berlaku baru-baru ini di mana Kerajaan Singapura dengan kerjasama Kerajaan Malaysia telah berjaya memberkas sekumpulan 30 orang pengganas kominis dan menurut keterangannya sebahagian daripada latihan mereka telah dijalankan di dalam hutan negeri Johor; apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan mereka.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada baiknya kalau saya memberi sedikit penjelasan berkenaan dengan istilah pengganas kominis kerana apa yang dikatakan pengganas kominis ini adalah dua jenis. Satu jenis iaitu mereka ini anggota penggempur (assault unit) yang bersenjata dan beruniform dan bergerak dengan cara berpasukan-pasukan yang beregu-regu. Satu lagi jenis mereka ini yang bekerja di bawah tanah (underground movement) yang mereka ini hanya menerima latihan untuk melempar bom, untuk membunuh agen-agen Kerajaan atau pegawai-pegawai polis atau menaikkan bendera merah dan membuat pekerjaan apa yang dijalankan oleh anggota bawah tanah termasuklah mengutip duit, mengugut-ugut dan sebagainya.

Apa yang terjumpa di Johor dan ditangkap pada masa itu iaitu mereka yang bekerja di bawah tanah ini bukan pasukan penggempur.

Maksudnya yang ditangkap itu bukanlah 30 tetapi sebenarnya 50 orang dan apa yang dikatakan kem-kem itu bukan kem yang diistilahkan bahawa ini kem pengganas tetapi ini adalah tempat-tempat mereka berlatih "hsueh hsih" dan tempat mereka menyorok apabila diburu oleh polis dan itu semuanya sudah dapat dimusnahkan pada tahun 1975 dahulu dan dari jumlah yang ditangkap itu 10 daripada mereka ialah rakyat Malaysia, yang lain itu bukan rakyat Malaysia dan Kerajaan telahpun mengambil tindakan yang sewajarnya di atas mereka yang 10 ini.

SYARIKAT HARRISON AND CROSSFIELD—TANGGAGAJI

2. **Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa ada dua tanggagaji bagi kakitangan di dalam Bahagian Ladang di Syarikat Harrison and Crossfield; satu untuk orang-orang asing dan satu lagi untuk rakyat tempatan dan jika ya, samada beliau boleh menjelaskan kedua-dua tanggagaji ini dan mengapa diadakan dua tanggagaji yang berasingan bagi orang-orang asing dan rakyat tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa ada dua tanggagaji bagi kakitangan di dalam Bahagian Ladang di Syarikat Harrison and Crossfield satu untuk pegawai asing dan satu lagi untuk pegawai tempatan. Yang sebenarnya, sepanjang yang kami tahu tanggagaji tersebut adalah sama sahaja bagi kedua-dua kumpulan pegawai ini. Perbezaan yang terdapat ialah pegawai-pegawai asing itu dibayar elaun seberang laut.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedar walaupun di Syarikat Harrison

and Crossfield ada satu tanggungaji, tetapi tanggungaji di atas iaitu gred I hingga kalau tidak salah saya gred IV tidak boleh dicapai oleh pegawai tempatan. Oleh itu, ada dua tanggungaji untuk pegawai-pegawai ladang-ladang di Syarikat Harrison and Crossfield iaitu ada satu yang atas untuk pegawai asing dan di bawah untuk pegawai tempatan. Adakah ini benar dan jika benar apakah tindakan beliau atau Kementeriannya akan mengambil supaya hasrat dan kemahuan pegawai tempatan boleh dipenuhi.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudahpun dijawab semalam. Saya mengulangi bahawa pada prinsipnya dan sejauh pengetahuan kami semua jawatan-jawatan termasuk gred I boleh dicapai oleh pegawai-pegawai tempatan mengikut apa saja katakana semalam.

Dr Tan Chee Khoo: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan me jelaskan bahawa dalam gred I, II, III dan IV di Syarikat Harrison & Crossfield Bahagian Ladang-ladang, adakah pegawai tempatan dapat mencapai gred tersebut?

Tuan K. Pathmanaban: Mungkin ada gred, Tuan Ya g di-Pertua.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan. Kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu mungkin, tetapi pada pendapat saya dan yang saya tahu tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya benar

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, begini Yang Berhormat, yang sebenarnya, soalan tambahan tadi pat t diberi notis. Soalan itu jauh sedikit daripada soalan asal, itulah sebab beliau menggunakan perkataan "mungkin" itu macam perkataan "uzur" juga (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoo: Saya hendak membuat soalan lain, Tuan Yang di-Pertua, iaitu adakah beliau sedar pegawai tempatan cuma mencapai gred V dan VI dan sehingga sekarang belum mencapai gred yang lebih tinggi lagi.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

PASARAN BERSAMA EROPAH— EKSEPT TEKSTAIL

3. Tuan Oo Gin Sam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan kita telahpu berjaya di dalam rundingannya dengan negara-negara Pasaran Bersama Eropah berkenaan dengan penambahan quota pembelian kain-kain dari Negara ini untuk menolok perusahaan kain kita yang kian merosot.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, perundingan di antara Malaysia dan negara-negara Pasaran Bersama Eropah mengenai eksept barang-barang tekstail telah diadakan pada 1hb Oktober, 1975 di atas permintaan Pasaran Berama tersebut. Malaysia telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kedudukannya dan mengelakkan sekatan ke atas impot barang-barang tekstail dari Malaysia dan seterusnya mencuba seberapa upaya untuk mendapatkan quota yang terbaik dan memuaskan.

Hasil daripada rundingan itu quota telah dikenakan oleh negara-negara Pasaran Bersama Eropah ke atas beberapa jenis tekstail seperti cotton fabrics, polyester fabrics, shirts, jeans pullover dan cardiga s. Quota ini membolehkan Malaysia meneru kan ekseptnya ke negara-negara Pasaran Bersama Eropah mengikut paras quota yang ditetapkan dan barang-barang tekstail yang tidak dikenakan sekata boleh dieksept secara bebas ke negara-negara tersebut. Sungguhpun perundingan itu tamat, Perjanjian tersebut hanya ditandatangani ringkas dan kita masih belum puas hati terhadap quota yang telah dikenakan dan peruntukan yang diberi, dan Malay ia akan terus berusaha untuk memperbaikinya.

HOSPITAL DAERAH LUAR BANDAR DI CHANGKAT MELINTANG

4. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau mampu yai rancangan untuk menaikkan taraf Hospital Desa di Changkat Melintang, Parit ke taraf Hospital Daerah dan membesarkan lagi Hospital tersebut memandangkan bertambah ramainya bilangan penduduk di situ.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, Hospital Daerah Luarbandar di Changkat Melintang, Parit dalam Daerah Kuala Kangsar telah dibina untuk memuatkan sejumlah 28 buah katil. Oleh kerana hospital ini diguna sepenuhnya, maka Kementerian saya telah merancang untuk menambah sejumlah 20 buah katil lagi. Projek ini akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan adalah dirasakan bahawa tambahan ini akan memenuhi keperluan penduduk-penduduk Parit dalam masa akan datang.

Mengenai kenaikan taraf Hospital Daerah Luarbandar ini kepada taraf Hospital Daerah, saya ingin memaklumkan Dewan ini bahawa Hospital Daerah di Kuala Kangsar memberi perkhidmatan kepada seluruh daerah itu. Hospital ini telah juga diperbaiki di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Oleh itu, tidaklah perlu dinaikkan taraf Hospital Daerah Luarbandar di Changkat Melintang ke taraf Hospital Daerah.

Tuan Haji Jamil bin Isbak: Soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan akan memberikan pertimbangan yang sama kepada Kedudukan Hospital yang lain yang memerlukan tambahan hospital yang terdesak oleh penduduk-penduduk yang begitu ramai, khususnya saya misalkan Hospital Daerah Tanjung Karang.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu menjadi dasar Kementerian Kesihatan.

DEMAM CAMPAK

5. Tuan Lim Kiam Hoon (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah beliau bercadang untuk menjalankan suntikan mencegah demam campak untuk kanak-kanak yang belum memasuki sekolah; dan
- (b) berapa banyakkah kematian kanak-kanak yang disebabkan oleh demam campak yang telah direkodkan dalam tahun 1976 (sehingga bulan Jun), 1975, 1974, 1973 jika ada.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sekarang ini belum ada rancangan lagi kerana Kementerian saya sedang cuba mengumpulkan maklumat-maklumat

mengenai penyakit ini yang mana perlu diberi perhatian sebagai masalah kesihatan awam. Adalah dijangkakan bahawa rancangan ini akan dimulakan tidak berapa lama lagi.

- (b) Sebanyak 14 kematian akibat dari demam campak telah dilaporkan dalam tahun 1971, 8 kematian dalam tahun 1972, dan 12 kematian di dalam 1973. Jumlah kematian bagi kes demam campak bagi tahun 1974, 1975 dan 1976 belum lagi didapati.

KES SIVIL DAN JENAYAH

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes jenayah dan kesalahan awam yang masih belum selesai dibicarakan dan nyatakan sebab-sebabnya kelewatan berlaku, serta apakah tindakan segera yang telah dibuat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes sivil dan jenayah yang masih belum diselesaikan pada akhir bulan Mei, 1976 di Mahkamah-mahkamah Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

	Kes-kes Sivil	Kes-kes Jenayah
Mahkamah Tinggi ...	3,802	268
Mahkamah Sesyen ...	6,508	1,288
Mahkamah Mejeret	6,229	2,312

Tidaklah dinafikan bahawa jumlah kes-kes yang didaftarkan semakin bertambah dari setahun ke setahun dan melebihi daripada bilangan yang dapat diselesaikan. Ini adalah disebabkan bertambahnya undang-undang yang diluluskan dari masa ke semasa dan kerana bilangan penduduk-penduduk negeri ini yang semakin meningkat. Dan lagi pembangunan ekonomi dan sosial yang pesat menyebabkan lebih ramai lagi orang yang sedar akan hak mereka untuk membawa pertikaian mereka ke Mahkamah. Selain daripada itu, pada tahun-tahun kebelakangan ini lebih ramai bilangan orang-orang yang dibela oleh peguam-peguam yang menyebabkan bertambahnya rayuan-rayuan atau ulangbicara yang juga bererti bahawa kes-kes ini mengambil masa yang lebih panjang untuk diselesaikan.

Kelambatan dalam menyelesaikan sesuatu kes itu bukan semata-mata disebabkan oleh Mahkamah. Peguam-peguam dan Pendakwa

kadang-kala tidak dapat menyiapkan persediaan pada hari-hari yang ditetapkan dan meminta penangguhan. Mereka juga kerap kali meminta supaya kes-kes ditangguhkan kerana saksi-saksi tidak dapat hadir ataupun dalam kes-kes sivil, butir-butir dan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh mahkamah belum diperolehi. Kerap kali juga Peguam-peguam meminta supaya kes-kes ditangguhkan kerana mereka dikehendaki berada di tempat lain. Pihak yang kena tuntutan juga kadang-kala melambatkan percikaraan dengan menghilangkan diri atau mengemukakan sijil sakit atau saksi-saksi tidak dapat dicari dan sebagainya.

Berhubung dengan soalan di bahagian kedua yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa langkah-langkah yang tegas telah diambil untuk mengurangkan "backlog" di Mahkamah-mahkamah dan mempercepatkan lagi urusan pengadilan. Langkah-langkah itu, antaranya, ialah:

- (i) Menambah bilangan Mejjisteret-mejjisteret. Dalam bulan Julai tahun 1975 Kerajaan telah mengambil 15 orang Pegawai Tadbiran Am untuk berkhidmat sebagai Mejjisteret. Beberapa orang pegawai-pegawai yang telah bersara telah diambil bekerja sebagai Mejjisteret hingga jawatan-jawatan ini dapat dipenuhi oleh pegawai-pegawai yang berkelayakan. Baru-baru ini 48 orang siswazah dari Universiti Malaya telah menerima Ijazah Undang-undang dan sebilangan besar juga dijangka akan mendapat kelulusan undang-undang sedikit masa lagi dari universiti-universiti di luar negeri. Beberapa orang Siswazah ini telah mula berkhidmat dengan Jabatan Kehakiman dan lebih ramai lagi akan diambil sedikit masa lagi untuk mengisi kekosongan-kekosongan dalam jawatan Mejjisteret.
- (ii) Sebagai memberi insentif kepada Pegawai-pegawai perkhidmatan kehakiman yang sedang berkhidmat, Kerajaan telah mengujudkan satu tingkatan baru bergelar Tingkatan Kanan dan pegawai-pegawai perundangan yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun adalah bertelayakan dinaikkan pangkat ke tingkatan tersebut dengan gaji \$1,500 hingga \$1,900 sebulan.

(iii) Kerajaan juga telah mengadakan beberapa temuduga-temuduga untuk mengisi kekosongan jawatan Penterjemah-penterjemah di Mahkamah-mahkamah.

(iv) Dua orang Hakim baru telah dilantik dalam tahun 1975.

ALIRAN KELUARAN MODAL

7. Tuan Chuan Heng Kai (di bawah S.O. 24 (2)) mitta Menteri Kewangan menyatakan samada langkah-langkah akan diambil mengetatkan lagi aliran keluar modal dari negara ini supaya dalam masa krisis, mereka yang kaya-raya tidak akan lari dengan harta mereka dan meninggalkan mereka yang papa menanggung keadaan hura-hara yang mengancam negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hum): Tuan Yang di-Pertua, saya anggap "aliran keluar modal" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan ialah:

- (i) keuntungan dan dividen yang dibawa keluar negeri dari Malaysia oleh syarikat-syarikat asing dan orang-orang perseorangan.
- (ii) aliran keluar matawang Malaysia.

Pada masa ini saya tidak bercadang untuk mengambil langkah-langkah mengetatkan lagi pengaliran keluar modal dari negeri ini kerana apa-apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengetatkan pengaliran keluar negeri bagi pendapatan yang diperolehi secara sah daripada pelaburan yang dibuat di Malaysia boleh menyebabkan pelabur-pelabur asing mengambil tindakan untuk mengurangkan pelaburan-pelaburan mereka di sini yang akan menjejaskan proses pembangunan negara ini. Peraturan Kawalan Pertukaran Wang Asing yang liberal sekarang ini mengenai pengaliran bebas modal ke luar dan ke dalam negeri ini, adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan asing di negara ini. Walau bagaimanapun, untuk mengurangkan pengaliran keluar modal, pelabur-pelabur asing adalah digalakkan melabur semula pendapatan mereka di Malaysia dengan membenarkan mereka memperbesar atau memperluaskan kegiatan-kegiatan mereka di dalam berbagai sektor ekonomi.

Dari segi pengaliran keluar matawang Malaysia, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tiap-tiap orang yang meninggalkan Malaysia dengan membawa matawang Malaysia lebih dari \$1,000 tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pengawal Pertukaran Wang Asing adalah melanggar Akta Pertukaran Wang Asing dan Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan-tindakan yang perlu. Walau bagaimanapun tidak ada had yang ditetapkan keatas expot fizikal (physical export) yang dibawa oleh pengembara itu sendiri atau di dalam begnya cek-cek, perintah-perintah juru wang (cashiers' orders) atau deraf-deraf bank di dalam matawang Malaysia atau matawang asing. Semua pengaliran keluar matawang asing sehingga \$1,000,000 Malaysia boleh diluluskan oleh mana-mana bank yang dibenarkan. Pengaliran keluar wang melebihi daripada \$1,000,000 Malaysia adalah dikehendaki mendapat kelulusan daripada Jabatan Kawalan Pertukaran Wang.

KURSUS IKTISAS BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

8. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk meningkatkan lagi taraf pengetahuan pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun dengan menggalakkan mereka mengambil kursus-kursus iktisas dalam bidang seperti pengurusan, ekonomi dan perakaunan, supaya mereka akan mempunyai sikap yang lebih "commercial orientated".

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sejak dari tahun 1969 lagi Kerajaan telahpun melancarkan rancangan melatih sebilangan pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun untuk mengambil kursus-kursus lepasan ijazah di seberang laut dalam bidang-bidang pengurusan, ekonomi dan perakaunan dengan tujuan khas untuk menambahkan kecekapan dan kebolehan mereka di dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Rancangan latihan ini telah diperhebatkan mulai tahun 1973 dengan Kerajaan menghantar tidak kurang daripada 30 orang pegawai-pegawai untuk mengikuti berbagai bidang kursus di peringkat Sarjana dan juga

Ph.D. Di samping itu Kerajaan telah menghantar pegawai-pegawai Kerajaan dan pegawai-pegawai dari Badan-badan Berkanun untuk mengikuti kursus-kursus khas yang diadakan oleh badan-badan antara-bangsa seperti Kumpulan Wang Antara-bangsa, Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu dan jua Kerajaan-kerajaan asing yang telah memberikan kursus-kursus dan latihan-latihan kepada pegawai-pegawai dari Malaysia dari semasa ke semasa.

Dengan menghadiri kursus-kursus seperti Business Administration, Financial Administration, Development Economics dan Management Reporting, pegawai-pegawai tidak dapat tidak akan terdedah kepada "commercial orientation".

Kerajaan percaya kursus-kursus yang berupa commercial orientation ini akan berguna kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun pada keseluruhannya untuk melahirkan satu pasukan pegawai yang lebih tajam dan "pragmatic" dalam cara pemikiran dan pelaksanaan tugas mereka.

KEMATIAN AKIBAT PETIR

9. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Kesihatan menyatakan akhir-akhir ini kerap kali berlaku kematian akibat petir di merata-rata tempat. Adakah benar kejadian itu semakin meningkat dari tahun ketahun. Dan adakah apa-apa ikhtiar yang telah dihebahkan kepada umum untuk mengelakkan diri dari bencana itu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya hanya mempunyai rekod yang sangat sedikit tentang kematian yang disebabkan oleh petir bagi negara ini. Jumlah bilangan kes yang dibawa ke Hospital Besar, Kuala Lumpur yang mati disebabkan oleh petir adalah seperti berikut:

1971	...	...	...	2 kematian
1972	...	...	...	2 kematian
1973	...	...	...	1 kematian
1974	...	...	...	tiada
1975	...	...	...	3 kematian
1976	sehingga 30hb Jun,	1976	...	4 kematian

Daripada angka-angka yang saya berikan itu, jelaslah bahawa tidak ada tanda yang menunjukkan kematian yang disebabkan oleh petir adalah serious. Oleh kerana kejadian itu jarang-jarang berlaku, tidaklah dibebankan kepada orang ramai oleh kerana sebagaimana yang diketahui umum, apabila ada hujan lebat dan kilat petir, orang ramai adalah dijangka tidak berteduh di bawah pokok-pokok di kawasan terbuka dan tidak akan membawa barang-barang logam dalam masa hujan kilat petir di kawasan terbuka.

Kami menasihatkan mereka supaya tinggal di dalam rumah dalam masa hujan kilat petir dan pintu-pintu dan tingkap-tingkap hendaklah ditutup.

FATWA OLEH MUFTI-MUFTI

10. **Toh Puan Oos Zariah binti Abu Bakar** minta Perdana Menteri samada langkah-langkah boleh diambil untuk menyelaraskan fatwa-fatwa serta hujjah-hujjah yang dibuat oleh Mufti-mufti serta ulama-ulama di Negara ini supaya tidak bercanggah antara satu sama lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (**Tuan Haji Othman bin Abdullah**): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah untuk menyelaraskan fatwa-fatwa telah diambil dengan tertubuhnya Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1969.

Walau bagaimanapun, kuasa mengeluarkan fatwa dalam tiap-tiap negeri adalah di bawah kuatkuasa Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Negeri masing-masing.

Adapun mengenai hujjah-hujjah yang dibuat oleh Mufti-mufti, lebih-lebih lagi oleh Ulama-ulama, yang kelihatan seperti bercanggah di antara satu sama lain itu tentulah susah hendak diselaraskan, kerana hujjah-hujjah itu adalah merupakan pendapat-pendapat yang masing-masingnya mempunyai alasan-alasan dan istimbat-istimbat hukum.

Walau bagaimanapun, langkah-langkah untuk pendekatan pendapat ini sedang diusahakan. Satu perjumpaan Mufti-mufti dan Kadi Besar-Kadi Besar seluruh Malaysia telah dirancang dan dijadualkan berlangsung pada pertengahan bulan Ogos, 1976 ini.

SEKOLAH MENENGAH RENDAH TENDONG

11. **Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar Sekolah Menengah Rendah, Tendong, Pasir Mas akan dijadikan Sekolah Menengah penuh, jika ya, bila.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, semua Sekolah Menengah Rendah akan pada akhirnya dijadikan Sekolah Menengah Penuh. Walau bagaimanapun tarikh sesebuah sekolah akan dijadikan Sekolah Menengah Penuh didasari kepada keadaan perkembangan murid-murid di sekolah berkenaan dan di sekolah-sekolah di kawasan berdekatan.

RUKUN TETANGGA

12. **Tengku Noor Anisah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sehingga 31-5-1976 berapa banyakkah pusat-pusat kawalan Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan dan di dalam masa yang sama berapa ramaiakah orang-orang yang didakwa kerana tidak mendaftar dengan rancangan Rukun Tetangga dan yang tidak ikut serta berkawal dan bertugas di pondok kawalan; dan

(b) bahawa oleh kerana Rukun Tetangga adalah diwajibkan kepada semua orang dari segala golongan masyarakat dan pangkat dan bagi negeri Kelantan di sekitar Limau Manis, tiap-tiap seorang dikehendaki bertugas 4 jam seminggu dan mengikut peraturannya mereka yang bertugas melewati jam 12 malam akan diberi cuti keesokan harinya oleh majikan. Pegawai-pegawai Kerajaan dan orang-orang bekerja tetap, akan mendapat gaji sungguhpun mereka bercuti tetapi tidak bagi pekerja bergaji hari. Oleh yang demikian, apakah tindakan, Kerajaan supaya mereka yang bergaji hari yang berkhidmat untuk Rukun Tetangga tidak akan hilang pendapatan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua,

(a) sehingga 31-5-1976 jumlah sektor Rukun Tetangga yang telah ditubuhkan ialah 115. Sehingga tarikh tersebut

tidak ada sesiapa yang telah didakwa kerana tidak mendaftar ataupun kerana tidak ikut serta mengawal atau meronda.

- (b) pekerja-pekerja yang bergaji hari (Daily Rated Workers) yang telah menjalankan tugas Rukun Tetangga juga akan mendapat cuti yang sama tanpa potong gaji untuk majikan seperti mereka yang lain jika sekiranya shift yang dijalankan itu melewati pukul 12 tengah malam. Mengikut Peraturan 28 Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga), 1975;

"Seseorang majikan tidak boleh mengenakan kepada seseorang pekerja apa-apa kehilangan saraan atau apa jua mudarat oleh sebab pekerja itu kena menjalankan apa-apa kewajipan atau tugas, atau menjalankan atau mematuhi apa-apa arahan di bawah Peraturan-peraturan ini atau mana-mana perintah."

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengecualikan tugas-tugas siang hari (day duties) di dalam kawasan Rukun Tetangga seperti di Batu Pahat yang mana nampaknya tidak perlu sebab keadaan keselamatan adalah baik.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, Rukun Tetangga ialah satu rancangan bukan sahaja untuk menjaga keselamatan di satu-satu daerah tetapi Rukun Tetangga ada faedah-faedah yang lain. Oleh sebab itu, Kerajaan tidak bercadang hendak mengecualikan mana-mana daerah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sekarang pelajar-pelajar yang mengambil Peperiksaan S.P.M., M.C.E., S.T.P. atau H.S.C. diwajibkan menjalankan tugas Rukun Tetangga, bolehkah golongan pelajar-pelajar yang di dalam tahun peperiksaan dikecualikan daripada tugas-tugas tersebut supaya tidak mengganggu persediaan yang mereka membuat untuk peperiksaan, tetapi mereka dibenarkan menjalankan tugas mereka selepas peperiksaan.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu boleh ditimbang.

Dr Hee Tien Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar ada beberapa

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri, bukan Setiausaha Parlimen—Yang Berhormat ini Timbalan Menteri, bukan Setiausaha Parlimen.

Dr Hee Tien Lai: Minta maaf, Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ada beberapa kawasan di Melaka yang mana tugas-tugas siang hari telah dikecualikan?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya minta beliau ulangkan soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta soal lagi sekali, kerana tidak berapa terang.

Dr Hee Tien Lai: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar iaitu di Melaka ada beberapa kawasan Rukun Tetangga yang mana tugas-tugas siang hari (daily duties) telah dikecualikan?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain, tidak bersangkut-paut dengan Melaka.

PETRONAS—SYER PENGURUSAN

13. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada benar atau tidak Kerajaan telah memutuskan supaya jangan dilaksanakan peruntukan di dalam Akta Kemajuan Petroliaam (Pindaan) yang menghendaki syarikat-syarikat minyak mengeluarkan syer pengurusan kepada PETRONAS; dan jika ya, beri sebab-sebab dan jika tidak, nyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan tersebut.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini, dalam sidang-sidang yang lalu telah diberitahu tentang tujuan Akta Kemajuan Petroliaam (Pindaan) 1975 mengenai syer pengurusan. Sebagai makluman, saya jelaskan lagi tujuannya iaitu untuk membolehkan Kerajaan, menerusi PETRONAS mengawal dan memastikan perkembangan yang teratur dalam aktiviti-aktiviti memproses, mengilang, menapis atau

memasar petroliam atau keluaran-keluaran petrokimia di negara ini. Dengan adanya peruntukan mengenai syer pengurusan itu, adalah diharapkan perusahaan-perusahaan tersebut berjalan mengikut objektif dan polisi Kerajaan.

Memandangkan bahawa syarikat-syarikat tertentu yang sepatutnya mengeluarkan syer-syer pengurusan itu kepada PETRONAS telahpun bersetuju, pada dasarnya, supaya PETRONAS mendapat "majority control" dengan cara membeli syer-syer biasa dalam syarikat-syarikat itu, maka tidaklah mustahak buat masa ini bagi PETRONAS mengambil syer-syer pengurusan dalam syarikat-syarikat itu.

KERJA SECARA KONTRERK

14. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada ia bercadang akan mengadakan undang-undang untuk menghapuskan pengambilan kerja secara kontrerek di ladang-ladang getah.

Tuan K. Pathmanabam: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang Ordinan Pekerja (Pindaan) yang akan dibentangkan di Dewan ini dalam persidangan sekarang, kelulusan Dewan ini adalah diminta untuk memberi kuasa kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, untuk campurtangan di dalam masalah-masalah dan penyelewengan yang mungkin timbul berkaitan dengan Kerja Secara Kontrerek. Dengan kuasa ini Menteri dapat menukar cara pekerjaan kontrerek itu dalam sesuatu keadaan kepada pekerjaan secara langsung dengan semua faedah Undang-undang Buruh dinekmati oleh pekerja-pekerja yang berkenaan.

Walaupun kuasa yang diminta bagi Menteri ini boleh digunakan untuk menghapuskan samada sekali kerja-kerja secara kontrerek, tujuan pada masa ini adalah untuk mengenakan kuasa Menteri itu dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Keadaan pekerjaan secara kontrerek di ladang-ladang juga akan diasas dengan sepenuhnya untuk menggunakan kuasa Menteri itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar dalam Undang-undang Buruh (Employment Ordinance, 1955) tidak ada satu fasal yang

tertentu yang mana kita boleh menghapuskan sistem kontrerek di negara ini. Bolehkah saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bilakah Kerajaan akan memperkenalkan satu undang-undang baru yang mana kita boleh menghapuskan buruh kontrerek.

Tuan K. Pathmanabam: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan dua soalan. Satu, di mana dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan kepada Dewan ini ada kuasa bagi Menteri menghapuskan pekerjaan secara kontrerek. Saya harap ini dapat didebate dengan lebih lanjut pada masa yang sesuai, tetapi saya merojok kepada Clause 4 dalam Rang Undang-undang itu sebagai Clause yang membenarkan Menteri campurtangan dalam sesuatu keadaan di mana pekerjaan secara kontrerek boleh ditukar oleh Menteri itu dan menggantikan pekerjaan secara langsung. Menteri juga di bawah Clause itu dapat mengenakan syarat-syarat di atas pekerja-pekerja dan majikan dalam keadaan itu mengenai Undang-undang Buruh dan lain-lain undang-undang yang harus diikuti oleh majikan pada masa itu.

Mengenai soalan yang kedua daripada Yang Berhormat dari Sungai Siput ini adalah untuk siasatan. Apabila keadaan di satu-satu tempat menunjukkan bahawa pekerjaan secara kontrerek ada menghalangkan pekerja-pekerja menikmati faedah-faedah Undang-undang Buruh, Menteri Buruh akan menggunakan kuasa-kuasa di bawah Fasal 4 Rang Undang-undang itu untuk menukar cara pekerjaan itu.

IBUSAWAT BEROPERATOR

15. Raja Nasron bin Raja Isahak minta Menteri Perhubungan menyatakan bilakah ibusawat beroperator, yang digunakan sekarang di kawasan Kuala Selangor dan Tanjong Karang ditukarkan dengan ibusawat otomatik dan mengapa sehingga hari ini belum ada satu tanda menunjukkan rancangan tersebut akan dilaksanakan pada tahun 1976, sebagaimana yang dijanjikan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manikavasagam): Tuan Yang di-Pertua, ibusawat Tanjong Karang ialah sebuah ibusawat yang otomatik dan pelanggan-pelanggan yang dapat perkhidmatan darinya boleh membuat panggilan tempatan secara otomatik, kecuali pada panggilan-panggilan ke Kuala Selangor

dan kepada tempat-tempat yang lain di mana panggilan-panggilan tersebut memerlukan bantuan operator di ibusawat Kuala Selangor.

Sebaik sahaja ibusawat Kuala Selangor digantikan dengan alat-alat baru, semua ibusawat di sekitar bandar Kuala Selangor, termasuk ibusawat Tanjong Karang akan menikmati perkhidmatan automatik dengan sepenuhnya, iaitu perkhidmatan S.T.D.

Kerja untuk mengganti ibusawat ber-operator di Kuala Selangor dengan jenis automatik sedang berjalan dan sungguhpun kerja ini dianggap akan siap pada akhir 1976, seperti yang diperlukan tetapi oleh sebab beberapa perkara yang tertentu, projek ini sekarang dianggap siap kira-kira pada pertengahan tahun 1977.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Tuan Yang di-Pertua, sementara menunggu projek ibusawat automatik di Tanjong Karang dan di Kuala Selangor dapatkah atau bolehkah perkhidmatan talikom di kawasan-kawasan tersebut itu diperbaiki kerana keadaannya pada masa sekarang kalau hendak membuat satu-satu call terpaksa menunggu setengah jam ataupun lebih. Kadang kala kalau dapat call pun suaranya tidak begitu terang. Jadi, saya minta Menteri Perhubungan dapat memberikan penjelasan dan memberi arahan bertindak supaya pengguna-pengguna di kawasan-kawasan tersebut itu berpuas hati.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri akan melawat ke Kuala Selangor Exchange minggu yang akan datang dan saya boleh siasat perkara ini.

LETRIK KE LUAR BANDAR

16. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan memandangkan bahawa setengah-setengah projek bekalan letrik ke daerah-daerah luar bandar di negara ini adalah dibiayai oleh tiga pihak iaitu Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan L.L.N. dan oleh yang demikian telah menyebabkan kelambatan dan kegendalaan dalam melaksanakan projek ini, adakah Kerajaan bercadang untuk melantik hanya Kerajaan Pusat untuk membiayai Projek yang tersebut ini supaya rakyat di kawasan-kawasan luar bandar mendapat bekalan letrik seberapa segera yang boleh.

Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sepertimana yang telah didakwa oleh Yang Berhormat itu bahawa dasar pembekalan rancangan bekalan letrik luar bandar yang diamalkan pada masa ini iaitu membiayai samarata oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Lembaga Letrik Negara telah menyebabkan kelambatan dan tergendala dalam melaksanakan projek-projek itu.

Masalah kelambatan yang timbul dari segi pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan adalah pada kebiasaannya disebabkan oleh berapa faktor tertentu. Yang paling utama sekali yang sering dihadapi oleh L.L.N. ialah kesukaran mendapat izin lalu di atas tanah persendirian yang terlibat di dalam rangka menyambung talian letrik. Dalam hal ini saya percaya Ahli Yang Berhormat sendiri bersetuju bahawa memadai sekiranya terdapat seorang tuan tanah sahaja dalam kawasan itu yang tidak membenarkan tanahnya dilalui atau pokok-pokok dalam tanahnya ditebang atau dipotong nescaya projek itu sudah tentu akan tergendala dan tidak dapat disiapkan dalam tempoh masa yang dijadualkan. Oleh itu, Kementerian ini sentiasa meminta kerjasama Kerajaan-kerajaan negeri bagi mengatasi masalah ini supaya projek-projek dapat dijalankan dengan lancar.

Disamping itu, L.L.N. juga menghadapi masalah kekurangan bahan-bahan seperti tiang-tiang kayu dan lain-lain kelengkapan untuk pemasangan talian letrik terutama sekali dalam tahun-tahun 1973 dan 1974. Masalah ini sekarang adalah tidak begitu sukar dihadapi lagi. Walau bagaimanapun, masih terdapat sedikit-sedikit masalah dari semasa ke semasa. Kekurangan bahan-bahan ini boleh menyebabkan tergendalanya pelaksanaan projek-projek bekalan letrik di luar bandar.

Satu perkara lagi yang telah mempengaruhi pelaksanaan projek bekalan letrik luar bandar ini ialah masalah kekurangan tenaga pekerja yang baik dan pemborong-pemborong yang berkelayakan. Masalah kekurangan pemborong-pemborong untuk kerja-kerja pembinaan ini sering terdapat di negeri-negeri pantai timur Semenanjung. Oleh sebab-sebab yang tersebut di atas, maka L.L.N. terpaksa memberikan keutamaan

kepada projek-projek yang telah diluluskan terlebih dahulu sebelum melaksanakan projek-projek yang diluluskan dalam tahun-tahun yang kemudiannya. Oleh itu, pelaksanaan projek ini adalah memakan masa yang panjang juga. Walau bagaimanapun, ia bukanlah disebabkan oleh dasar pembiayaan samarata di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan L.L.N.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat samada Kerajaan Persekutuan bercadang mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar ini saya suka memaklumkan bahawa perkara ini sedang dalam kajian.

JALANRAYA PAPAR/SINDUMIN

17. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Ameh (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bila pembinaan jalanraya di antara Papar dan Sindumin di Sabah akan dimulakan, jumlah perbelanjaan yang akan dibelanjakan dan tarikh ia ya dijangka siap dan bilakah jalan dari Beaufort ke Kuala Penyu akan disapu dengan minyak tar.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, jalanraya antara Papar dan Sindumin yang akan menjadi sebahagian dari jalanraya pantai barat di Sabah dijangka akan dimulakan pembinaannya awal tahun 1977. Anggaran perbelanjaan projek tersebut ialah lebih kurang \$30 juta. Projek ini dijangka akan mengambil masa selama 3 tahun untuk menyiapkan yakni akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Pada masa sekarang Kerajaan Negeri Sabah belum ada rancangan untuk menyapu minyak tar jalan dari Beaufort ke Kuala Penyu memandangkan keadaan lalu-lintas di situ belum memadai untuk jalan tersebut disapu dengan tar. Walau bagaimanapun, Kerajaan negeri sedang mempertimbangkan untuk membaharui muka sebahagian dari jalan ini sepanjang 5 batu yang pertama di bahagian Beaufort dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH-SEKOLAH TAMIL

18. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Iadar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa banyak sekolah-sekolah Tamil yang tidak patuh kepada arahan Kerajaan supaya mengadakan kelas-kelas Bahasa Malaysia dan apakah tindakan Kerajaan terhadap sekolah-sekolah tersebut;
- (b) samada Kerajaan telah mendapat tahu sekolah-sekolah lain juga mengangari arahan Kerajaan iaitu mereka dengan tidak mengadakan kelas-kelas Bahasa Malaysia, kiranya ada berapa dan di mana terdapatnya sekolah-sekolah seperti itu; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang hendak menggunakan hanya Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa-bahasa penghantar di sekolah-sekolah untuk menyatu-padukan rakyat berbilang bangsa di negeri ini dan samada Kerajaan sedar bahawa sistem pelajaran sekarang tidak akan menjayakan tujuan Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat negeri ini oleh kerana ada tuntutan dari tiap-tiap bangsa yang hendak menegakkan bahasanya sendiri.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini tidak ada apa-apa aduan yang diterima oleh Kementerian Pelajaran terhadap sebarang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang tidak mengajar Bahasa Malaysia. Pengajaran Bahasa Malaysia kepada semua murid-murid adalah wajib. Jika Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu Kementerian ini sekolah-sekolah yang tidak mematuhi arahan Kerajaan mengenai pengajaran Bahasa Malaysia; Kementerian ini akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap sekolah-sekolah yang berkenaan.
- (b) Kementerian Pelajaran tidak pernah menerima apa-apa laporan/aduan tentang adanya sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia, yang tidak mengajar Bahasa Malaysia.
- (c) Saya rasa Ahli Yang Berhormat telah pun sedia mengetahui Dasar Kerajaan di dalam perkara ini. Sekolah rendah

boleh menggunakan bahasa Malaysia, bahasa China atau bahasa Tamil, Sekolah rendah bahasa yang menggunakan bahasa penghantar Inggeris, sudahpun dihapuskan sekarang ini. Kerajaan tidak bercadang menjadikan S.B.J.K. (Tamil dan China) sebagai sekolah-sekolah Kebangsaan. Sekolah Menengah cuma menggunakan Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris sahaja. Bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar sudahpun mula dihapuskan di Tingkatan I mulai daripada tahun ini. Akhirnya Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan akan menggunakan cuma Bahasa Malaysia sahaja sebagai bahasa penghantar.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan sekolah-sekolah Tamil inginkan mengajar Bahasa Malaysia tetapi ini tidak dapat dipraktikkan oleh sebab kekurangan guru-guru Bahasa Malaysia. Oleh itu, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan sekali ditimbulkan di Dewan ini, telah beberapa kali ditimbulkan. Kalau tidak silap saya oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput sendiri. Perkara ini memang ada dalam tindakan Kementerian Pelajaran oleh kerana ada masalah-masalah yang perlu diatasi maka perkara itu tidak dapat diatasi dengan sekali gus. Walau bagaimanapun, tindakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi dalam perkara ini memang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah terfikir oleh Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa untuk mengelakkan tuduhan-tuduhan ini berlaku elok diubah sahaja panggilan sekolah-sekolah itu iaitu jangan lagi dikenali dengan nama seperti sekarang, umpamanya, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, tetapi ditukarkan sahaja kepada Sekolah Rendah Kebangsaan. Dengan ini tentu keraguan yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli itu dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini tidak bersangkut-paut dengan soalan asal.

PARTI POLITIK DI SEKOLAH-SEKOLAH

19. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada parti-parti politik boleh menggunakan sekolah-sekolah untuk aktiviti-aktiviti parti serta menubuhkan cawangan di situ; jika ya, nyatakan bagaimana mereka membuat permohonan dan berdasarkan kepada apa alasan permohonan-permohonan itu akan diluluskan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ada

Tuan Yang di-Pertua: Apa hendak tambah lagi jawabnya "tidak".

PENYELUDUP DADAH

20. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Undang-undang menyatakan :

- (i) sejak undang-undang kuatkuasa penyalahgunaan dadah ini diadakan, berapa banyakkah tindakan-tindakan yang diambil sehingga ke hari ini. Harap berikan detail-detail untuk negeri dan pekan; dan
- (ii) sejak PEMADAM dilancarkan, sejauh manakah gerakan dijalankan oleh PEMADAM di tiap-tiap negeri dan sudahkah ada sebarang kesan yang tercapai.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Dadah Merbahaya No. 30 Tahun 1952 mula dikuatkuasakan pada tahun 1952. Dengan itu tidaklah dapat diberi detail-detail di atas jumlah tindakan yang diambil. Walau bagaimanapun, semenjak pindaan kepada Ordinan tersebut dikuatkuasakan dalam bulan April, 1975 dalam mana hukuman mati atau penjara seumur hidup dikenakan, Pusat Biro Narkotik telah dapat menangkap 15 orang penyeludup dan pengedar besar di Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur dan Johor Bharu.

Mereka ini akan dibicarakan di bawah Undang-undang (Pindaan) itu dan jika sabit kesalahannya boleh dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup.

Bagi menjawab soalan kedua Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia atau PEMADAM baharu berusia tiga bulan.

Walaupun rancangan-rancangan yang diatur adalah menyeluruh bagi semua negeri dan daerah, namun usaha-usaha pada masa ini masih di peringkat permulaan. Setakat ini semua negeri di Semenanjung Malaysia sedang berusaha untuk menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras peringkat negeri masing-masing. Penubuhan PEMADAM di semua daerah juga sedang dilaksanakan dengan tujuan supaya rancangan menentang salahguna dadah di negara ini dapat dijalankan dengan seluas-luasnya dan melibatkan semua lapisan masyarakat. Negeri-negeri yang telah dengan rasminya menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM ialah negeri Melaka, Perak, Johor, Kedah dan Pahang. Adalah dijangka semua negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak akan menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras PEMADAM peringkat negeri menjelang akhir bulan September, 1976.

Rancangan-rancangan di semua peringkat sedang diatur supaya penyalahgunaan dadah, terutamanya di kalangan belia dapat dibasmi. Antara rancangan-rancangan yang dikelolakan ialah mengadakan Pusat Perkhidmatan bagi penagih-penagih dadah, rancangan counselling atau nasihat, ceramah-ceramah anti-dadah bagi murid-murid sekolah, rancangan "group therapy" dan kerjasama antara PEMADAM dengan pihak-pihak penguatkuasa dan pencegahan.

Kejayaan PEMADAM sebagai pertubuhan masyarakat menentang penyalahgunaan dadah di negara ini adalah semata-mata bergantung kepada sambutan yang diberikan oleh masyarakat seluruhnya dalam bentuk keahlian dan juga sumbangan kewangan. PEMADAM juga sedang berusaha menjalankan kempen memungut ahli dan sumbangan dari pihak swasta.

HAKISAN TANAH

21. Tuan Chian Heng Kai (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pertanian menyatakan tindakan konkrit yang sedang atau akan dijalankan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah hakisan tanah di Telok Anson.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah menyelesaikan soal hakisan tanah di Telok Anson ini di bawah kuasa dan tanggung-

jawab Kerajaan Negeri Perak, maka duka-cita saya nyatakan di Dewan ini, Kementerian saya tidak mengambil apa-apa tindakan.

ROGOL

22. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar kejadian laki-laki merogol perempuan masih menjadi-jadi di negara ini, jika sedar:

- (a) adakah biasa terjadi di dalam dunia ini perempuan merogol laki-laki;
- (b) adakah beliau bercadang hendak mengadakan undang-undang menghukumkan perempuan yang merogol laki-laki.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana berlaku di negara-negara lain di dunia ini, kes-kes sejenis ini ada juga berlaku di negara kita dan ini saya adalah sedar:

- (a) Tentang adakah biasanya terjadi kes-kes di mana perempuan merogol laki-laki hanyalah Tuhan dan laki-laki itu sahaja yang tahu. Kementerian saya tidak pernah mendengar kes ini berlaku di negara kita.
- (b) Definasi "rogol" sebagaimana terdapat di dalam Kanun Keseksaan negara kita berbunyi seperti berikut:
"Seseorang lelaki adalah dikatakan melakukan "rogol" jika ia bersetubuh dengan seseorang perempuan yang bukan isterinya dengan tiada izinnnya".

Tidak pula disebutkan sebaliknya. Sebagaimana jawapan saya bagi soalan (a) di atas, saya tidak pernah mendengar perempuan merogol laki-laki. Kalau pun Ahli Yang Berhormat mengetahui kes-kes sejenis ini (*Ketawa*) yang luar biasa, saya rasa tidak ada kemungkinan untuk mendakwa perempuan atau perempuan-perempuan yang berkenaan kerana saya tidak fikir seorang laki-laki yang telah dirogol mahu mengadu kepada Polis (*Ketawa*) untuk membolehkan Polis menjalankan siasatan ke atas perkara ini. Lagi pun persetubuhan tidak boleh dilakukan oleh seorang perempuan ke atas lelaki melainkan laki-laki itu ada kemahuannya, melainkan jika lelaki itu sedang tidur atau mendapat persetujuan lelaki itu dengan tipu helah. Dengan yang demikian, saya tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang oleh sebab-sebab yang diberikan.

Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menjelaskan samada kita memerlukan undang-undang baharu yang berkenaan atau mengadakan lebih ramai lagi doktor pakar otak (psychiatrist)?

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada doktor-doktor yang memikirkan perlu diadakan undang-undang bagi perempuan-perempuan yang melakukan rogol, doktor-doktor itu pun perlu kita periksa. (*Ketawa*). Kementerian saya tidak bercadang setakat ini untuk mengadakan undang-undang atau peraturan yang bersabit.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-abli Yang Berhormat, saya ingat perkara ini ada juga dibangkitkan pada hari Isnin. Waktu itu saya tidak ada dikerusi ini, rakan sejawat saya Timbalan Yang di-Pertua ada. Beliau mengatakan betul ada berlaku di luar negeri bukan di sini.

Baharu-baharu ini saya ada baca dalam sebuah buku, betul ada berlaku perempuan merogol lelaki (*Ketawa*). Ini waktu mana pihak wanita mengambil alih pentadbiran dunia menjadi ketua pejabat-pejabat Kerajaan dan pejabat-pejabat swasta dan pihak lelaki sebaliknya mengambil tempat kerja-kerja yang dibuat oleh perempuan sekarang. (*Ketawa*).

Tajuk buku ini jikalau sekiranya saya tak lupa diterjemah ke bahasa Melayu, ialah "Dunia Dalam Tahun 2047". (*Ketawa*). Dikarang oleh seorang yang saya lupa namanya. Jadi, saya fikir kita Ahli-abli Yang Berhormat yang ada sekarang di Dewan janganlah ragu-ragu, takut dan bimbang akan mengalami akibat yang semacam ini (*Ketawa*). Kalau hendak bertanya soalan ini nantilah tahun 2047 kelak. (Tuan Yang di-Pertua beritahu kemudian bahawa sebenarnya buku itu ialah "Regiment of Women—2047. When Women Rule the World" by Thomas Berger).

PELABUR-PELABUR SWASTA

23. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada bahawa kekurangan minat Pelabur-pelabur Swasta ke

dalam Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (L.K.T.T.) disebabkan oleh dasar L.K.T.T. mengenai.

(i) Pemusatan Perkilangan; dan

(ii) Mengawasi Penjualan, Pembahagian dan Pemasaran Pengeluaran.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali bahawa terdapatnya kekurangan minat pelaburan daripada pihak swasta ke dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah kerana jumlah permohonan yang telah diterima oleh L.K.T.T. setakat ini adalah sebanyak 258.

BUMIPUTRA DALAM PENGEDARAN BARANG-BARANG

24. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana langkah Kerajaan berhubung dengan pemberian wakil-wakil perdagangan dan pembekalan di daerah-daerah telah dilaksanakan untuk memenuhi quota 30 Bumiputra dalam bidang perusahaan dan perdagangan mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua maklum, matlamat 30% penyertaan Bumiputra dalam bidang perusahaan dan perdagangan adalah satu matlamat yang perlu dicapai dalam tempoh yang tertentu iaitu pada tahun 1990. Walaupun matlamat ini belum dapat dicapai lagi, usaha-usaha sedang dilaksanakan oleh Kementerian dari semasa ke semasa. Dalam bidang pengedaran barang-barang, Kementerian saya ingin melihat Bumiputra mengedarkan apa sahaja jenis barang yang juga diedarkan oleh pengusaha-pengusaha bukan Bumiputra. Apa yang penting bagi Kementerian ini sekarang ini ialah untuk melihat pertambahan bilangan pengedar-pengedar Bumiputra tidak kira samada pengedaran tersebut adalah di peringkat kebangsaan, negeri ataupun daerah.

Kementerian ini ingin melihat pengusaha Bumiputra bukan sahaja mengedarkan barang-barang dalam mana pengedarannya adalah dilakukan melalui wakil-wakil pengedar, bahkan juga ingin melihat Bumiputra mengedarkan barang-barang dalam

mana pengedarannya tidak tertakluk kepada perantaraan wakil-wakil pengedar. Kedudukan kemajuan penyertaan Bumiputra dalam mengedarkan barang-barang yang tertentu yang menjadi tumpuan pengusaha-pengusaha Bumiputra telahpun dijelaskan dalam Dewan ini dalam persidangannya pada 15hb dan 16hb April, 1976.

BANJIR DI KUALA LUMPUR

25. Tuan Chian Heng Kai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan.

- (a) samada beliau sedar tentang seringkali berlakunya banjir mengejut di Kuala Lumpur tiap-tiap kali, selepas hujan dan jika ya, nyatakan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah atau akan diambil untuk mengatasi masalah ini;
- (b) samada pihak Dewan Bandaraya telah membentuk Pasukan Banjir, jika ya, apakah tugas-tugas pasukan tersebut dan samada tugas-tugasnya itu telah dilaksanakan dengan sempurna; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk menentukan pemaju-pemaju perumahan tidak akan menjalankan kemajuan secara indiskriminasi yang menyebabkan banjir di kawasan masing-masing.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sedar tentang seringkali berlakunya banjir mengejut di Kuala Lumpur tiap-tiap kali selepas hujan. Mengenai perkara ini usaha bersama sedang diselenggarakan di antara Dewan Bandaraya dan Jabatan Parit dan Taliair untuk menyediakan satu rancangan jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir. Sebuah Jawatankuasa yang bertugas untuk mengkaji cara-cara mengurangkan banjir telahpun ditubuhkan yang dipengerusikan oleh pihak jabatan Parit dan Taliair untuk mengatasi masalah banjir.
- (b) Dewan Bandaraya ada menyediakan pasukan pekerja-pekerja yang bertugas membersihkan longkang-longkang dan parit daripada tersumbat dan tertahan oleh sampah sarap dan lain-lain

kotoran supaya aliran air tidak tersekat yang mana boleh mengakibatkan banjir. Contohnya di Jalan Bangsar di mana banjir selalu disebabkan oleh takungan air di parit-parit besar yang tersumbat oleh kotoran-kotoran.

- (c) Dewan Bandaraya sentiasa menegaskan bahawa semua pemaju-pemaju perumahan mestilah menyediakan satu sistem perparitan yang berkesan sebelum kerja-kerja pembinaan bangunan dimulakan.

KERETAPI TANAH MELAYU— KOC PENUMPANG

26. Tuan S. Samy Vellu minta Menteri Perhubungan menyatakan, samada (beliau sedar bahawa keadaan gerabak penumpang Keretapi Tanah Melayu (passenger train) telah bertukar dari buruk kepada yang lebih buruk dan jika ya, bilakah Menteri yang berkenaan bercadang untuk mengadakan gerabak-gerabak moden, sesuai dengan keadaan yang ada sekarang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar atas keadaan koc-koc penumpang Keretapi kita. Pihak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedang membuat segala usaha untuk membaikinya dan mendapatkan koc-koc yang baru. Sejumlah 34 buah koc baru dan moden telahpun dipesan dan koc-koc ini dijangka akan sampai ke negara kita pada bulan September tahun ini. Dalam pada itu Bengkel di Sentul pun telah memulakan balik usaha untuk membuat koc-koc. Sebuah koc telahpun hampir siap dibina.

RANCANGAN KELUARGA

27. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan senarai bilangan pengguna-pengguna rancangan keluarga mengikut kaum mulai dari tahun 1970. Dan bilakah rancangan ini dapat dihentikan kerana ujudnya perimbangan di antara pembangunan Negara dan pertumbuhan manusia. Dan bukannya lebih baik rancangan itu dihentikan supaya belanja-belanja yang telah diuntukkan kepadanya itu dapat diperbesarkan kepada peruntukan pembangunan lain.

Tuan Haji Othman bin Abdullah. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Keluarga ialah satu program yang tidak semata-mata didasarkan kepada kepentingan ekonomi sahaja, tetapi yang lebih penting ialah didasarkan kepada kepentingan kesihatan ibu-ibu dan bayi-bayi serta kebahagiaan keluarga. Rancangan keluarga merupakan satu daripada usaha-usaha Kerajaan untuk memperbaiki kesejahteraan keluarga dan bagi mempesatkan pembangunan sosio-ekonomi. Buat masa ini Rancangan Keluarga akan diteruskan selagi ia memberi faedah kepada masyarakat. Bagaimanapun Kerajaan akan terus mengkaji rancangan keluarga bagi memastikan ianya adalah selaras dengan dasar dan kehendak negara dan tidak bertentangan dengan kepentingan nasional.

Rancangan Keluarga ini ialah satu rancangan sosial yang akan membantu pembangunan negara. Wang yang dibelanjakan bagi program ini bolehlah disifatkan sebagai sumbangan kepada peruntukan pembangunan negara seluruhnya. Jadi, soal menghentikan program ini supaya belanja-belanja yang telah diuntukkan kepadanya dapat diperbesarkan bagi peruntukan pembangunan yang lain adalah tidak timbul.

Dan adalah menjadi dasar Kerajaan menyediakan beberapa kemudahan perkhidmatan nasihat dan cara-cara merancang keluarga untuk rakyat yang berkehendakkan kepada perkhidmatan tersebut. Setakat ini kita tidak ada mempunyai angka-angka yang tepat yang menunjukkan bilangan pengguna-pengguna rancangan keluarga mengikut keturunan. Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat bolehlah berjumpa saya untuk mendapatkan butir-butir mengenai pengguna-pengguna rancangan keluarga secara umum sahaja, jika sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh pertanyaan tamat.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 28 hingga 34 adalah diberi di bawah ini.)

NELAYAN DI PANTAI TIMUR

28. Datuk Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak minta Menteri Pertanian menyatakan rancangan-rancangan yang telah disusun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membaiki lagi taraf kehidupan kaum nelayan kita di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Perkara ini ada terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dibincangkan dalam Majlis ini dalam sedikit hari lagi.

PENAGIH-PENAGIH DADAH

29. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim minta Menteri Kebajikan Am menyatakan setakat ini berapa ramai (mengikut kiraan kaum) penagih-penagih dadah telah dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan dan berapa ramai yang telah dipulihkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Sejak 1hb Oktober, 1975 iaitu tarikh Kementerian Kebajikan Am memulakan kerja-kerja pemulihan hingga 31hb Mei, 1976 seramai 271 orang penagih dadah yang semuanya lelaki telah masuk ke tiga-tiga buah Pusat Pemulihan Dadah yang ditadbir oleh Kementerian saya. Pecahan mengikut kiraan kaum ialah 162 orang Melayu, 71 orang China, 29 orang India dan 9 orang kaum lain. Yang telah keluar dari Pusat-pusat Pemulihan ialah 99 orang terdiri daripada 65 Melayu, 22 China, 11 India dan seorang kaum lain. Sungguhpun tempoh pemulihan mereka di dalam yaysan telah tamat tetapi sebilangan besar dari mereka adalah masih di bawah seliaan lanjutan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat untuk selama tiga tahun dari tarikh mereka keluar dari pusat-pusat pemulihan.

PERATURAN PERTAHANAN LIMA NEGARA

30. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Luar Negeri samada beliau akan menimbang untuk mengambil inisiatif untuk menamatkan perjanjian pertahanan dengan Australia dan

meminta mereka mengundur pangkalan udara mereka daripada Butterworth untuk membuktikan seruan Malaysia sebagai sebuah negara ASEAN yang bebas, terkecuali dan tidak bertentara.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Malaysia tidak mempunyai perjanjian pertahanan dengan Australia dan oleh itu masalah penamatan peraturan seumpama itu dengan Australia tidak timbul. Walau bagaimanapun Australia ada menempatkan dua squadron tentera udaranya di Butterworth sebagai sebahagian daripada sumbangannya terhadap peraturan lima negara antara Australia, Britain, New Zealand, Malaysia dan Singapura. Peraturan ini sebagaimana ianya dipanggil adalah satu peraturan perundingan yang longgar dan telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mengadakan machinery untuk bertukar fikiran dan pengalaman dalam perkara-perkara mengenai sistem pertahanan udara Malaysia dan Singapura.

Saya mestilah menekankan bahawa tidak ada pangkalan tentera asing di Malaysia sekarang. Kemudahan yang diberi kepada Tentera Udara Australia di Butterworth di bawah peruntukan Peraturan Pertahanan Lima-Negara itu tidak mengurangkan kemerdekaan kita ataupun menjejaskan prinsip-prinsip dasar berkecuali yang kita sokong kuat. Faktor ini juga tidaklah berlawanan dengan prinsip dan tujuan ASEAN yang menumpukan kepada kerjasama ekonomi sosial dan kebudayaan di antara ahli-ahlinya.

Sememangnya ternyata negara-negara ASEAN yang menandatangani Pengisytiharan Kuala Lumpur itu adalah mengamalkan dasar berkecuali dan mereka telah bersetuju pada prinsipnya bahawa pangkalan-pangkalan tentera asing di rantau ini merupakan peraturan sementara dan ianya akan dibubarkan apabila matlamat kawasan aman, bebas dan berkecuali dicapai.

SYARIKAT HARRISON AND CROSSFIELD

31. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan

samada beliau sedar bahawa dalam Bahagian Ladang, Syarikat Harrison and Crossfield ada terdapat rancangan pertukaran, jika ya, sila jelaskan rancangan tersebut.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Saya sedar mengenai Rancangan pertukaran di dalam Bahagian Ladang-ladang Syarikat Harrison & Crossfield, dan ini adalah sejajar dengan Seksyen 13 Perjanjian Perwarganegaraan Perusahaan Ladang (Plantation Industry Malaysianisation Agreement) seperti berikut:

Lawatan dan Pertukaran

Pemeriksaan dan lawatan-lawatan oleh pegawai dari Luar Negeri dengan menggunakan pas lawatan, akan diteruskan seperti biasa. Jika agensi-agensi, firma-firma atau syarikat-syarikat ingin mengambil kakitangan asing dari luar negeri untuk berkhidmat di Malaysia, mereka bolehlah berbuat demikian atas dasar pertukaran dengan syarat bilangan pegawai-pegawai Malaysia yang sama adalah diambil bekerja di Seberang Laut. Sejahtera yang boleh, pertukaran hendaklah dibuat di antara pegawai-pegawai di dalam gred yang sama sungguhpun tidak semestinya menjalankan tugas-tugas yang sama.

Di mana pertukaran di antara pegawai-pegawai di dalam gred yang sama tidak dapat diaturkan, Jawatankuasa Perwarganegaraan Perusahaan Ladang akan merujuk kes tersebut kepada pihak Kerajaan untuk memutuskan perkara itu mengikut merit.

TUN MOHAMED FUAD— SIASATAN KEMATIAN

32. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Perhubungan menyatakan samada perbuatan aniaya telah berlaku di atas kematian Tun Mohamed Fuad, bekas Ketua Menteri Sabah dan 10 orang lagi dalam kemalangan udara pada 6hb Jun, 1976 dan nyatakan apakah keputusan hasil penyiasatan yang telah diarahkan oleh beliau.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Satu pasukan penyiasat terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan Penerbangan Awam dan Tentera Udara Di Raja Malaysia telah segera dikejarkan ke Kota Kinabalu untuk menjalani siasatan atas kemalangan itu (Air Accident Investigation). Penyiasatan masih berjalan lagi dan laporan yang lengkap di jangka hanya dapat disiapkan dalam beberapa minggu lagi.

**TUN MOHAMED FUAD—
SIASATAN KEMATIAN**

33. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Perhubungan menyatakan dengan penuh, hasil penyiasatan sebab berlakunya kemalangan kapalterbang di Sabah baru-baru ini yang menyebabkan kehilangan jiwa 11 orang termasuk Ketua Menteri dan beberapa orang Menteri Sabah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Satu pasukan penyiasat terdiri dari pegawai-pegawai Jabatan Penerbangan Awam dan Tentera Udara Di Raja Malaysia telah segera dikejarkan ke Kota Kinabalu untuk menjalani

siasatan atas kemalangan itu (Air Accident Investigation). Penyiasatan masih berjalan lagi dan laporan yang lengkap dijangka hanya dapat disiapkan dalam beberapa minggu lagi.

**PENYELIA-PENYELIA KEMAJUAN
MASYARAKAT NEGERI SELANGOR**

34. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian memberi senarai:

- (a) penukaran-penukaran semua Penyelia Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Negeri Selangor dalam tahun 1974-1976;
- (b) nama Penyelia-penyelia yang ditukarkan itu dan penggantinya;
- (c) Daerah/Kawasan Pilihanraya yang terlibat; dan
- (d) sebab-sebab pertukaran itu perlu dibuat.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Pertukaran Penyelia-penyelia Negeri Selangor dalam tahun 1974-76 adalah seperti dalam senarai yang dilampirkan.

PERTUKARAN PENYELIA-PENYELIA KEMAJUAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 1974-76

<i>Tarikh</i>	<i>Nama Penyelia Yang ditukarkan</i>	<i>Dari Kawasan</i>	<i>Kawasan Pilihanraya Parlimen</i>	<i>Ke Kawasan</i>	<i>Kawasan Pilihanraya Parlimen</i>	<i>Nama Pengantinya</i>	<i>Sebab-sebab ditukarkan</i>
1-12-74	Hasnan bin Haji Sidek	Kuala Selangor II	Kuala Selangor	Kuala Selangor I	Tanjung Karang	Mohd. Sharif Ibrahim	Memenuhi tempat kosong
1-12-74	Mohd. Sharif Ibrahim	Ulu Selangor III	Ulu Selangor/ Sepang	Kuala Selangor II	Kuala Selangor	Ambia bin Sanusi ..	Mengambil tempat Hasnan Haji Sidek
1-12-74	Ambia bin Sanusi ..	Ulu Selangor II	Ulu Selangor..	Ulu Selangor III	Ulu Selangor/ Sepang	Zaiton binti Shamsudin	Mengambil tempat Mohd. Sharif Ibrahim
1-9-75	Haji Ahmad Musa ..	Ulu Selangor I	Ulu Selangor ..	Bahagian Utara	Ulu Selangor/ Selayang	Harun bin Haji Nordin	Jawatan baru memerlukan orang berpengalaman
1-9-75	Haji Razali Jisat ..	Kuala Lumpur II	Setapak ..	Gombak II ..	Selayang ..	Abd. Wahab Saat ..	Kawasan baru diwujudkan
1-9-75	Yusuf bin Dahalan ..	Kuala Langat III	Kuala Langat/ Sepang	Bahagian Tengah	Ulu Langat/ Sepang	Abu Naim Ahmad ..	Jawatan baru memerlukan orang berpengalaman
1-9-75	Fatimah binti Suhaimi	Kuala Langat II	Kuala Langat	Kuala Langat I	Kuala Langat	A. Bakar Debab ..	Balik ke kawasan asal
1-9-75	Abu Bakar Debab ..	Kuala Langat ..	Kuala Langat	Kuala Langat II	Kuala Langat	Fatimah Suhaimi ..	Balik ke kawasan asal
1-9-75	Mohd. Nor bin Mat Dohon	Kuala Selangor III	Kuala Selangor/ Pelabuhan Kelang	Bahagian Barat Laut	Kuala Selangor/ Tg. Karang/ Sabak Bernam	(Sempadan kawasan diubah)	Jawatan baru memerlukan orang berpengalaman
16-6-76	Mohd. Sharif bin Ibrahim	Kuala Selangor II	Kuala Selangor	Ibu Pejabat	—	Misnah binti Dusr ..	Mengambil tugas berkenaan Rancangan Desa Usaha di Ibu- Pejabat

USUL-USUL

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1976

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 57 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengenakan duti impot sebanyak \$4.40 segelen ke atas "brake fluid" di bawah Kepala Tarif 27.10. 800 dan 38.19.200. Duti tersebut merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 57 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 58 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 8), 1976 yang baru sahaja diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 5), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 58 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9) 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1976, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 59 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengenakan duti impot sebanyak 25% atau 20 sen tiap-tiap satu, yang mana lebih tinggi, ke atas "inner tube valves and valves for tubeless tyres" di bawah Kepala Tarif baharu iaitu 84.61 201. Duti yang dikenakan ini merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 59 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 60 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengenakan duti impot 10 sen satu ke atas "condom" di bawah Kepala Tarif 40.12 100 yang merupakan duti perlindungan untuk membantu perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 60 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 61 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengubah kadar-kadar duti impot yang dikenakan ke atas "capacitors (condensers)" di bawah Kepala-kepala Tarif 85.18 120 dan 85.18 130. Di bawah Kepala Tarif 85.18 120 perubahan itu ialah daripada 25% atau \$1 satu, yang mana lebih tinggi, kepada 25% sahaja manakala di bawah Kepala Tarif 85.18 130 perubahan itu ialah daripada 25% kepada tanpa berduti impot. Bagaimanapun, duti impot bagi "capacitors" di bawah kepala-kepala Tarif 85.18 110 dan 85.18 900 masih dkekalkan pada kadar 25%. Pindaan kepada kadar-kadar duti impot ini adalah disebabkan "capacitors" mempunyai banyak kegunaan dan duti impot patutlah dikenakan pada kadar yang bersesuaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 61 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 62 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 9), 1976 yang telah diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 6), 1967 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Undang-undang No. ST. 62 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 63 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 10), 1976 yang telah diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dilanjutkan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam

Seksyen 147, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 7), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 63 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 64 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini mempunyai tujuan yang sama dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 11), 1976 yang telah diluluskan oleh Majlis ini, melainkan ianya dikenakan ke Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147, Akta Kastam, 1967 Perintah Duti Kastam (Pulau Pinang) (Pindaan) (No. 8), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 64 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 65 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan mengurangkan duti impot daripada 7 sen satu kepada 5 sen satu ke atas "dry cell batteries" di bawah Nombor Kepala Tarif 85.03-800. Ini disebabkan perusahaan itu telah berkembang maju dan tidak perlu diberikan duti perlindungan yang begitu tinggi. Dengan pengurangan duti ini, dijangkakan harga "dry cell batteries" di pasaran dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 12), 1967 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 65 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 66 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan meminda keterangan barang-barang di bawah Kepala Tarif 68.01 100 daripada "blocks, slabs or sheets" kepada "blocks, slabs or sheets of marbles" yang berduti impot \$200 secwt. Oleh kerana duti impot sebanyak \$200 secwt ini bertujuan melindungi perusahaan membuat batu marmar tempatan sahaja, maka dengan pindaan ini batu-batu lain seperti batu nisan tidak lagi dikenakan duti perlindungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 66 tahun 1976 disahkan.

AKTA KASTAM, 1967

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 147 Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai kertas undang-undang No. ST. 67 tahun 1976 disahkan.

Perintah ini bertujuan untuk menaikkan duti-duti impot ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 11 sen segelen bagi negeri Sabah dan 17 sen segelen bagi negeri Sarawak. Perintah ini juga mengenakan duti impot sebanyak 1 sen segelen ke atas minyak tanah di Sarawak. Pindaan-pindaan kepada kadar duti seperti yang disebutkan tadi telah dibuat atas permintaan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan duti impot ke atas keluaran-keluaran petroliaam adalah hasil negeri bagi Sabah dan Sarawak seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 11, Akta Kastam 1967 Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 14), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 67 tahun 1976 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SARAWAK

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Excise Ordinance, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 68 tahun 1976 disahkan.

Tujuan perintah ini ialah untuk menaikkan duti-duti eksais ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 17 sen segelen dan mengenakan duti eksais sebanyak 1 sen segelen ke atas minyak tanah bagi negeri Sarawak. Pindaan-pindaan ini telah juga dibuat atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak. Hasil dari duti-duti eksais ke atas keluaran-keluaran petroliaam adalah juga hasil negeri bagi Sarawak mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, Sarawak, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 68 tahun 1976 disahkan.

ORDINAN EKSAIS, SABAH

Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3, Excise Ordinance, Sabah 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 69 tahun 1976 disahkan.

Tujuan perintah ini ialah untuk menaikkan duti-duti eksais ke atas minyak petrol premium dan regular sebanyak 11 sen segelen bagi negeri Sabah. Kenaikan ini pula telah dibuat atas permintaan negeri Sabah kerana hasil duti eksais ke atas keluaran-keluaran petroliaam adalah hasil Kerajaan Negeri juga seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan, iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh Seksyen-kecil (2) dalam Seksyen 3 Ordinan Eksais, Sabah 1959, Perintah Duti Eksais (Pindaan), 1976 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 69 tahun 1976 disahkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RANCANGAN KELUARGA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.55 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Rancangan Keluarga (Pindaan) 1976 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan membuat pindaan ini ialah untuk:

- (i) Membolehkan Lembaga Perancang Keluarga Negara meminjam wang bagi membiayai projek pembangunannya; dan

- (ii) Menggantikan perkataan "Director" (Pengarah) dengan perkataan "Director-General" (Ketua Pengarah) dalam Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Lembaga ini ditubuhkan pada tahun 1966, Ibu Pejabat Lembaga telah berpindah dari satu bangunan ke satu bangunan yang lain di Kuala Lumpur semata-mata untuk mendapatkan ruang pejabat bagi menghadapi perkembangan-perkembangan yang bertambah pesat yang dialami oleh Lembaga, malah dalam setahun dua yang lepas, Lembaga terpaksa mendapatkan ruang pejabat tambahan untuk menempatkan Bahagian Penerangan dan Bahagian Stor dan Perbekalan. Ruangan-ruangan pejabat ini adalah disewa oleh Lembaga yang menelan belanja hampir \$100,000 tiap-tiap tahun dari peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan. Dengan pindaan Undang-undang ini, maka dapatlah Lembaga meneruskan rancangannya untuk membina sebuah bangunan bagi kegunaan Ibu Pejabatnya di sebidang tanah yang telah diperolehi oleh Lembaga ini di Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Mengenai pindaan perkataan "Director" kepada perkataan "Director-General", gelaran dan takrif "Director" yang terdapat dalam Akta itu sekarang ini tidak lagi mencerminkan kedudukan sewajarnya dalam susunan semula Organisasi Pengurusan Lembaga Perancang Keluarga Negara, kerana pihak Lembaga telahpun mengubah gelaran tiap-tiap Ketua-ketua Bahagian Iktisas sebagai "Director". Oleh itu gelaran "Director-General" (Ketua Pengarah) adalah lebih tepat dan selaras dengan gelaran yang dipakai oleh Ketua Eksekutif dalam Badan-badan Berkanun dan Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan.

Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini, dapatlah Lembaga Perancang Keluarga Negara menyalurkan rancangan pembangunannya dengan lebih pesat dan lalin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Ministeri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.58 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Rancangan Keluarga bagi meminjam wang untuk pembinaan bangunan sendiri, kerana kita semua faham bahawa badan ini memainkan peranan yang penting dalam segi pembangunan negara dan juga dalam segi pembangunan manusia.

Satu perkara yang ingin saya mengingatkan kepada pihak Perancang Keluarga iaitu hendaklah diingat bahawa Perancang Keluarga ini juga yang bertanggungjawab bagi mengeluarkan dan menjual pil-pil perancang yang digunakan oleh ibu-ibu demi untuk kesihatan mereka. Tetapi ingin saya menarik perhatian samada pihak Perancang Keluarga ataupun pihak Kerajaan sedar bahawa pil Perancang Keluarga ini salah satu daripada cara yang boleh mengembangkan makhsiat sekiranya pil-pil ini jualan tidak terkawal dan pihak Kerajaan tidak mengambil berat kawalan terutamanya di dalam bahagian penyeludupan pil-pil ini daripada luar negeri.

Kita semua sedia maklum bahawa pil ini pada hari ini digunakan bukan sahaja oleh ibu-ibu yang mengandung bahkan pil-pil ini boleh juga digunakan bagi tidak membolehkan seseorang perempuan itu melahirkan anak. Dan ini amatlah penting. Kita tahu sebelum adanya pil-pil perancang keluarga ini, kalau seorang hendak membuat hubungan jenis banyak fikiran yang hendak difikirkan takut mengandung, takut melahirkan anak secara haram. Tetapi pada hari ini dengan memakan pil perancang keluarga perkara itu sudah tidak timbul lagi. Jadi, memandangkan dari segi ini, saya berharap sangat pada pihak Kerajaan khasnya kepada Lembaga Perancang Keluarga mengkaji dan mengambil berat mengenai kawalan jualan pil-pil ini. Saya tahu pada hari ini pil-pil ini boleh didapati di klinik-klinik dan boleh juga didapati di kedai-kedai jual ubat yang berlesen. Tetapi samada kedai-kedai jual ubat yang berlesen ini mempunyai kuasa untuk menahan ataupun untuk menyekat seseorang pembeli. Saya berharap pihak Perancang Keluarga hendaklah menetapkan syarat penjualan pil ini.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu niat baik pil perancang keluarga ini dari segi pembangunan negara dan kalau pil

ini apabila Kerajaan telah menyekatkan penjualannya, tentulah harga pil ini akan naik di pasaran gelap. Perkara ini juga hendak dikaji kerana pihak Kerajaan menjalankan perancang keluarga ini secara yang ikhlas iaitu perancangan keluarga itu bolehlah dianggap satu badan yang tidak ada niat untuk mencari keuntungan. Tetapi banyak pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab boleh mengambil kesempatan mengenai kedudukan perancang keluarga, terutamanya dalam bidang penjualan pil.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa yang ada kepada pegawai-pegawai Perancang Keluarga. Saya dapati dan saya juga mengucapkan tahniahlah kerana adanya sekarang pangkat Ketua Pengarah dan tidak timbullah lagi clash of personality di dalam pentadbiran Perancang Keluarga.

4.03 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Rancangan Keluarga 1976 yang memberi kuasa kepada Lembaga Perancang Keluarga untuk meminjam wang dengan kelulusan Menteri Kewangan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan memandang berat di atas perkembangan program rancangan keluarga. Adalah jelas kepada kita semua bahawa ini adalah satu daripada beberapa langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyelaraskan kerja-kerja Lembaga ini dengan tujuan untuk mengawal perkembangan penduduk (curb population growth). Lembaga Rancangan Keluarga ini telah berjaya mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk daripada 3% dalam tahun 1966 kepada 2.6% dalam tahun yang lepas. Sungguhpun demikian angka ini adalah masih tinggi kerana dengan angka ini kira-kira 700,000 belia-belia yang perlu diberikan peluang pekerjaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga mengikut angka-angka yang dikeluarkan oleh Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Sekiranya kita tidak mengadakan satu rancangan keluarga yang berkesan dan dirancang dengan rapi untuk mengawal perkembangan penduduk yang kian berkembang, ekonomi kita akan tersekat dan pengangguran akan menjadi perkara yang serious dan keadaan keselamatan negara juga akan bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pendapat seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini walaupun pada petang ini beliau tidak hadir. Beliau juga seorang Ketua Pemuda veteran yang memandang perancang keluarga dari sudut-sudut keugamaan sahaja. Tetapi kita sepatutnya memandang perkara ini dari segi sosial, ekonomi dan politik. Sekiranya tidak ada perancang keluarga ini tentu akan menimbulkan keluarga yang ramai (big families). Ini akan menjadikan sasaran yang teruk khasnya orang-orang yang miskin. Pada masa ini untuk memberi pelajaran, pakaian, perumahan dan makanan adalah satu perkara yang merumitkan kerana harga-harganya bertambah tinggi (expensive business). Kita sepatutnya menggalakkan keluarga-keluarga yang kecil melalui sistem pelajaran sehingga rakyat menerima perancang keluarga itu sebagai satu cara hidup (way of living).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita dalam ucapannya baru-baru ini telah menekankan bahawa Kerajaan menggalakkan perancang keluarga untuk menjaga kesihatan dan kerukunan masyarakat Malaysia, dan beliau juga menyatakan bahawa perancang keluarga ini tidaklah semestinya mengadakan keluarga yang kecil, tetapi adalah satu cara mengaturkan satu keluarga yang lebih baik dan sihat.

Tuan Yang di-Pertua, telah didapati bahawa kira-kira 60% daripada orang-orang yang mengamalkan perancangan keluarga ini adalah daripada orang-orang yang berpendapatan rendah dan dengan ini saya mencadangkan supaya pil-pil perancang keluarga (contraceptive pills) dibekalkan percuma (free to all acceptors) kepada perancang-perancang keluarga. Dan kilang-kilang ubat Kerajaan (Government pharmacy) hendaklah membuat sendiri pil-pil perancang keluarga yang harganya tidak seberapa, cuma beberapa sen sahaja untuk satu kos untuk sebulan. Ini akan menggalakkan lebih ramai kaum wanita mengamalkan perancang keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah pil-pil ini hendaklah diprescribikan oleh doktor dan juga hendaklah diberikan hanya kepada wanita-wanita yang telah berkahwin sahaja, melainkan jika ada sebab-sebab kesihatan yang tertentu. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa terdapat perempuan-perempuan yang belum kahwin menggunakan pil-pil ini kerana beberapa sebab dan juga,

Tuan Yang di-Pertua, murid-murid perempuan di sekolah-sekolah didapati telah mendapatkan pil-pil ini daripada kumpulan haram. Ini mestilah dikondemkan oleh kerana sebab-sebab moral.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini mestilah dikawal dengan rapi supaya pil-pil perancang keluarga ini tidak boleh didapati dengan senang di tempat-tempat yang tidak ditetapkan seperti under the counter.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengemukakan satu pindaan Employers Ordinance Bill yang akan dibaca untuk kedua kalinya tidak berapa lama lagi dalam Dewan ini kerana ini adalah sesuai dengan polisi Kerajaan untuk mengawal keluarga yang akan meletakkan kaum wanita samada di dalam swasta ataupun Kerajaan di tingkat yang sama (put on the same footing).

Bill ini, di antara lain, mengandungi fasal-fasal di mana seorang pekerja wanita tidak akan diberi elaun bersalin sekiranya wanita itu telah mempunyai tiga orang anak yang masih hidup. Fasal ini tidak dapat dinafikan lagi akan menjadikan satu sebab yang besar tidak menggalakkan keluarga-keluarga mempunyai anak lebih daripada tiga orang. Di sinilah letaknya kawalan Perancangan Keluarga dapat memainkan peranan yang penting dan mustahak.

Pihak Kerajaan juga mestilah mengadakan satu program yang lengkap untuk menyebarkan lagi kepada pengetahuan umum tentang kegunaan pil-pil perancangan keluarga, kerana di masa ini kebanyakan daripada orang-orang yang telah berkahwin tidak berapa mengetahui tentang pil-pil perancangan keluarga. Misalnya, seorang yang baru menggunakan pil ini akan merasa mual (nausea).

Dengan sebab penggunaan pil ini akan memberhentikan pengambilan penggunaan pil perancang keluarga. Tidak siapa pun memberi tahu bahawa kesan-kesan mual atau nausea adalah biasa kepada orang-orang yang baharu menggunakan pil ini dan akan hilang dalam seminggu atau dua minggu, kelemahan-kelemahan yang kecil ini akan menentukan samada program perancang keluarga berjaya ataupun tidak.

4.11 psg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Rancangan Keluarga 1966. Pindaan ini adalah memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengeluarkan peruntukannya untuk bangunannya sendiri. Saya bersetuju dengan Rang Undang-undang ini kerana banyak tempat terutama di daerah-daerah, bangunan ataupun Pusat Perancangan Keluarga ini kebanyakannya menumpang di rumah-rumah Kerajaan yang tinggal. Jadi, saya rasa bagi masalah ini saya sangatlah bersetuju.

Walau bagaimanapun tugas yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan Keluarga ini, saya rasa tidaklah menyeluruh kepada luar-luar bandar. Kerana apa yang kita dapati hanya tertumpu kepada bandar-bandar sahaja. Pendek kata kampung-kampung yang mudah ada perhubungan ada ditempatkan Pusat-pusat Kesihatan Kecil pada satu-satu tempat. Tetapi bagaimana pula keadaan mereka yang jauh di pedalaman hanya cuma mendengar melalui radio sahaja, itu pun kalau ada sedangkan Kerajaan menggalakkan rakyat di negara ini menerima akan Rancangan Keluarga ini. Saya rasa patutlah satu Pasukan Petugas Khas diadakan di seluruh negara dengan menggunakan kenderaan-kenderaan ataupun kereta penerangannya sendiri tidaklah sebagai satu perhiasan sahaja, kereta penerangannya ada tetapi tidak bergerak dan tidak mengadakan sebarang penerangan terutama sekali di luar-luar bandar.

Selain daripada itu sepatutnya penerangan-penerangan ini tidaklah tertentu khusus kepada golongan orang-orang perempuan sahaja, sebaliknya patutlah diberikan penerangan atau kursus dengan cara kerjasama; orang lelaki pun patut juga diberi penerangan akan buruk baiknya langkah-langkah yang patut dibuat supaya tidaklah pihak si perempuan sahaja menerima akan Rancangan Keluarga ini sedangkan yang lelaki tidak tahu menahu langsung akan faedah-faedah yang sesuai kepada perancangan ini.

Berbalik saya kepada tugas-tugas yang dibuat oleh jururawat ataupun Pegawai Perancang Keluarga hanya tertumpu kepada Pusat-pusat Kesihatan sahaja dan menampung atau memberi penerangan kepada ibu-ibu yang datang itu sahaja, kemudian

dengan secara tidak memuaskan, ibu-ibu ini didaftarkan, suruh masuk perancang keluarga. Ibu-ibu ini tidak mengetahui apa yang sebenarnya, dia ya sahaja—mengaku babawa ini adalah sebenar boleh merancang keluarga. Tetapi akhir-akhirnya bila masanya sudah tiba, ibu ini pun mengandung juga lagi, kerana petani-petani di luar bandar ini dia mengikut musim, bila lepas musim mengetam padi, dia mula mengadakan kenduri: bila kenduri dia tidak lagi bekerja di ladang, tentulah hiburan-hiburan lain tidak ada, cuma yang ada hanya di sebelah-nya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tugas jururawat Perancang Keluarga ini tidaklah mestinya memujuk dengan cara demikian, sepatutnya mereka itu biarlah sama-sama, bertugas apa yang dibuat oleh bidan ataupun jururawat desa yang pergi ke rumah ibu-ibu yang berkenaan yakni semasa ibu-ibu ini mendaftarkan nama, kemudian selepas ibu-ibu ini bersalin, jururawat desa tadi ada melawat ibu-ibu dan melihat keadaan anak itu dan patut diberi nasihat untuk dibawa ke klinik dan sebagainya. Pada pandangan saya pada ketika inilah yang sesuai, kerana dengan tidak secara langsung jururawat desa tadi tidaklah pergi melawat ke rumah ibu-ibu yang berkenaan keseorangan. Jadi perkara-perkara yang tidak diinginkan semasa dalam perjalanan pergi dan balik, mungkin tidak akan berlaku. Jadi, itulah pandangan-pandangan saya yang saya rasa patut saya sampaikan di Dewan yang mulia ini. Saya harap pihak yang berkenaan dapat memikirkan akan keadaan ini, dapatlah diperbetulkan supaya kenderaan-kenderaan penerangan itu dapat bergerak dan memberi penerangan bukan sahaja di Pusat-pusat Kesihatan ataupun di bandar-bandar bahkan sebaik-baiknya patutlah bersama-sama dengan Pasukan Petugas Khas yang di bawah Kementerian Kesihatan yang berlaku pada masa sekarang.

4.17 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Rancangan Keluarga (Pindaan) 1976 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri kerana meminda Akta Rancangan Keluarga, 1966.

Di dalam Seksyen 2 ada membuat pindaan daripada takrif ataupun daripada jawatan Director kepada Director-General. Ini menunjukkan bagaimana Akta Rancangan

Keluarga khasnya rancangan keluarga ini hendak dibesarkan lagi daripada yang ada semenjak tahun 1966. Kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, saya suka memaklumkan bahawa kita biasa mendengar bahawa ada sebuah negeri di dalam negara kita yang Mufti negeri tersebut telah memberi tahu kepada umat Islam di negerinya menyatakan Rancangan Keluarga ini haram dari sisi agama Islam. Sungguhpun Rancangan Keluarga telah berjalan lebih 10 tahun, tetapi apabila kita dengar dari pihak Mufti ataupun dari pihak negeri masih lagi memperkatakan, masih lagi memberi fatwa-fatwa. Ini menunjukkan ada negeri-negeri di dalam negara kita ini bimbang dengan keadaan apa yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan. Kemungkinan fatwa-fatwa yang dikeluarkan ini kerana mengikut ajaran-ajaran daripada agama khasnya agama Islam yang telah difatwakan oleh Mufti di negeri tersebut. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk tidak mengelirukan rakyat, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri daripada tahun 1966 berapa peratuskah kedudukan rakyat mengikut kaum di dalam negara kita. Dan pada masa ini, pada tahun 1976 pula kalau dapat Yang Berhormat Menteri merangka mengikut keramaian kaum masing-masing, mengikut peratus yang ada di dalam negara kita ini. Daripada ini kita dapat melihat bagaimana perkembangan yang telah dibuat, yang telah dilancarkan ataupun yang telah dijalankan bagi rancangan keluarga semenjak tahun 1966 lagi.

Apa yang saya minta penjelasan ini, saya bimbang kalau-kalau semenjak 10 tahun rancangan keluarga ini berjalan salah penerimaan yang diberi kepada rakyat. Saya bimbang pada mulanya rancangan keluarga hanya hendak diberi kerana mengelakkan daripada kemiskinan, mempunyai keluarga yang ramai dan berbagai-bagai lagi masalah tersebut tetapi telah diamalkan oleh rancangan keluarga ini daripada orang-orang yang tidak dimaksudkan oleh pihak rancangan keluarga. Ini boleh menimbulkan beberapa salah faham yang telah diluluskan bagi Akta Rancangan Keluarga, 1966 dahulu. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan rancangan keluarga sehingga ke peringkat ini, saya dapati ada setengah-setengah tempat memberi cara-cara penerangan yang boleh mengelirukan rakyat, masih ada lagi. Ini kerana mereka yang dari

peringkat bawah yang memberi penerangan-penerangan ini boleh menyebabkan keadaan kekeliruan yang diterima oleh pihak rakyat seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri jika dapat menerangkan berapa ramai rakyat di dalam negara kita ini yang mengamalkan rancangan keluarga mengikut keramaian kaum yang ada di negara kita ini. Ini kerana kita ingin melihat bagaimana rancangan keluarga ini berjalan dan di tempat-tempat yang bagaimanakah rancangan keluarga ini telah dilaksanakan bagi selama 10 tahun tersebut. Daripada apa yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan dengan penerangan-penerangan yang akan diberi oleh Yang Berhormat Menteri kemungkinan dapat kita mengetahui bagaimana perkembangannya sehingga peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perlaksanaan ini saya dapati mungkin pada masa akan datang mengikut Rancangan Malaysia Ketiga kemungkinan banyak daerah-daerah, khususnya di luar-luar bandar akan dijadikan pusat-pusat untuk memberi penerangan kepada rakyat di kawasan-kawasan luar bandar bagaimana hendak mengamalkan rancangan keluarga bagi faedah rakyat di kawasan tersebut. Oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya berhati-hati di dalam hal ini. Kita bimbang rakyat akan menuduh pula kepada Kerajaan dengan menyatakan ada pihak-pihak daripada pegawai-pegawai yang berkenaan membuat paksaan ataupun penerangan yang boleh memberi kekeliruan daripada yang diterima oleh rakyat di luar bandar.

4.25 p.m.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbahasan mengenai bagi meminda Akta Rancangan Keluarga ini yang akan memberi kuasa kepada Lembaga Perancang Keluarga untuk meminjam wang ini, saya suka juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama dalam soal perancangan keluarga ini masih menjadi tandatanya kepada saya, adakah pil-pil perancang keluarga ini benar-benar dapat menjamin orang-orang yang mengamalkan perancang keluarga ini tidak mendatangkan penyakit. Sebab bagi saya sebagai Wakil

Rakyat di kawasan luar bandar ataupun di kampung-kampung banyak benar saya menerima kenyataan ataupun pengaduan yang mengatakan seseorang itu selepas daripada mengamalkan pil perancang keluarga ini datang berbagai-bagai penyakit yang saya rasa tidak perlu disebutkan di sini. Ini satu tandatanya adakah kerana Kerajaan kita berkehendakkan kepada berkurangnya tambahan penduduk dalam negara ini maka diketepikan soal-soal kesihatan ibu-ibu kita, sebab ini adalah menjadi tandatanya kepada saya oleh kerana saya bukanlah seorang doktor, tetapi kenyataan-kenyataan yang terdapat di luar bandar, di kampung-kampung apabila seseorang ibu yang mengamalkan pil perancang keluarga ini berhenti daripada makan pil ini maka penyakitnya itu berhenti. Jadi, inilah salah satu sebab-sebab yang menjadi tandatanya adakah benar-benar pihak Kerajaan dapat membuktikan bahawa pil-pil yang diberi kepada ibu-ibu di kampung-kampung itu tidak membawa ataupun tidak mendatangkan penyakit ataupun adakah selepas ditimbang, dikaji bahawa kepentingan negara kerana hendak mengurangkan tambahan penduduk ini lebih penting daripada ibu-ibu yang mengamalkan perancang keluarga itu mendatangkan sedikit sebanyak penyakit.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman saya mungkin dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan tidak berapa hari lagi itu pihak Lembaga Rancangan Keluarga ini akan menambah ataupun memperhebatkan lagi kempen-kempen ataupun gerakannya ke luar-luar bandar. Pada fikiran saya penduduk-penduduk di luar bandar sekarang ini pada umumnya tidak boleh lagi kita hendak katakan sudah melebihi. Kalau hendak dikatakan ramai ataupun melebihi penduduk ini di dalam kawasan-kawasan bandar, maka saya rasa adalah menasabah, tetapi bagi penduduk-penduduk luar bandar yang kawasan-nya begitu luas dan mengandungi penduduk yang berkurangan, saya rasa tidak patut dan tidak menasabah Lembaga ini memperhebatkan kempen-nya di luar-luar bandar, kecuali khusus kepada ibu-ibu yang benar-benar memerlukan bantuan pil perancang keluarga ini kerana masaalah-masaalah yang tertentu sahaja. Dan saya rasa patut diperhebatkan di dalam kawasan-kawasan bandar dan tidak diperhebatkan di dalam kawasan-kawasan luar bandar sebab pada pandangan saya di

dalam kawasan luar bandar kita masih memerlukan penduduk ataupun rakyat yang ramai lagi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga sependapat dengan sahabat saya dari Matang mengenai masalah kekeliruan kepada penduduk-penduduk dalam negara ini yang beragama Islam. Jadi, soal ini pada pandangan saya, suka-lah saya mengesyorkan kepada Lembaga Perancang Keluarga ini bagi menghilangkan kekeliruan ini, sepatutnya pada masa ini boleh lagi Lembaga Perancang Keluarga ini membuat peraturan yang khusus supaya pil-pil ini dapat diedar atau dapat diberi kepada orang-orang yang bukan Islam sahaja tetapi tidak digalak ataupun diberi kepada orang-orang Islam di dalam negeri ini. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat mengelakkan daripada kekeliruan dari sudut ugama dan kepada orang-orang yang bukan Islam kita bebaskan kepada mereka itu sesuka hati mereka sekiranya mereka itu hendak mengamalkan pil perancang keluarga, tetapi kepada orang-orang Islam hendaklah kita membuat peraturan yang tertentu supaya orang-orang Islam ini tidak mengamalkan pil perancang keluarga ini, kecuali di atas satu-satu masalah yang tertentu yang perlu diberi pertolongan dengan pil perancang keluarga ini.

4.32 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih di atas ucapan, teguran dan pandangan yang telah diberi kepada saya dari pada beberapa Ahli Yang Berhormat di sini.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak meminta supaya Lembaga Perancang Keluarga ini bertanggungjawab atas bekalan pil-pil dan tidak menjual pil-pil kepada gadis-gadis dan perempuan-perempuan yang belum kahwin. Saya hendak tegaskan di sini bahawa bukanlah tujuan Lembaga ini untuk menggalakkan maksiat. Maksiat terpolang kepada individu-individu. Lembaga Perancang Keluarga adalah bertujuan baik dan ada kawalan-kawalan tentang menjualkan pil-pil dan sebagainya supaya pil-pil ini tidak dapat dalam tangan mereka yang tidak diingini. Tetapi patut juga saya tegaskan di sini bahawa bukan sahaja Lembaga Perancang Keluarga menjual pil-pil dan lain-lain kemudahan untuk perancang keluarga,

bahkan bahan-bahan ini boleh dibeli dari dispensary, klinik-klinik dan doktor-doktor pihak swasta.

Tujuan Kerajaan mengadakan Lembaga ini ialah supaya perancang keluarga boleh diadakan dalam negeri ini dari segi sosial dan ekonomi dan juga dari segi kesihatan keluarga, dan Lembaga ini mengadakan syarat-syarat yang tertentu supaya pil-pil ini tidak boleh didapati oleh mereka yang tidak patut dapat pil ini.

Barangkali patut juga saya tegaskan di sini bahawa pil-pil bukan sahaja satu cara yang digunakan oleh Lembaga bahkan Lembaga itu juga memberi nasihat kepada lelaki dan juga perempuan tentang beberapa cara lain yang boleh digunakan untuk merancang keluarga.

Ada juga pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang khasnya, dan Ulu Nerus tentang samada menggunakan pil ini boleh mengakibatkan kesihatan perempuan-perempuan dan mendatangkan penyakit yang lain. Barangkali Kerajaan tidaklah membuktikan bahawa menggunakan pil tidak ada side effect tetapi oleh kerana itu sebelum seseorang individu dinasihatkan untuk menggunakan cara-cara perancang keluarga, mereka diperiksa dan dinasihatkan oleh doktor-doktor yang berkenaan.

Saya juga telah mendengar pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat tentang barangkali ada kekeliruan tentang penggunaan pil ini dengan ugama Islam dan pandangan ini saya akan menyampaikan kepada Lembaga supaya apabila mereka mengadakan kempen-kempen itu mereka bolehlah mengambil berat tentang pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara itu.

Berkaitan dengan penjelasan yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak samada kita ada butir-butir tentang penerima-penerima perancang ini, setakat ini saya tidak ada satu jumlah tentang penerima-penerima ini, melainkan Lembaga Perancang Keluarga Negara ada menyimpan rekod-rekod setiap bulan dalam semua klinik dan dalam semua negeri tentang penerima. Ini satu jumlah yang tidak mengandungi jumlah-jumlah individu-individu yang mendapat nasihat ataupun pil-pil dari pihak swasta ataupun doktor-doktor

yang lain. Oleh kerana itu dengan dukacitanya saya tidak dapat memberi penjelasan setakat ini tetapi saya akan meminta Lembaga Perancang Keluarga supaya mengumpulkan butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu dan saya akan menyampaikan kepada Ahli Yang Berhormat butir-butir yang dikumpulkan kemudian.

Ada juga di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga satu bab (chapter) berkaitan dengan angka-angka penduduk-penduduk Malaysia dan di situ juga ada sedikit-sebanyak butir-butir berkaitan dengan Lembaga Perancang Keluarga Negara dan saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh melihat butir-butir yang selanjutnya dalam buku itu.

Sekian sahaja yang dapat saya memberi jawapan tentang beberapa ulasan dan teguran mengenai Bill ini dan saya ucapkan terima kasih lagi sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan-pandangan yang konkrit.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperengusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

4.40 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Kerja (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Ordinan Pekerjaan, 1955 membekalkan Undang-undang asas untuk mengatur syarat-syarat pekerjaan dan perkhidmatan. Ia juga memperuntukkan beberapa faedah-faedah yang tertentu dan syarat-syarat ini adalah merupakan peruntukan-peruntukan yang minima. Biasanya Perjanjian Bersama diantara Kesatuan Sekerja dan majikan akan memperbaiki lagi syarat-syarat ini di dalam berbagai-bagai aspek. Ia memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja di dalam perkara seperti kontrak perkhidmatan, gaji, masa kerja, bekerja di waktu malam dan lain-lain. Ia memberi kuasa kepada pegawai-pegawai di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengaturkan penyiasatan dan lain-lain peraturan perundangan untuk mentadbirkan dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Ordinan ini.

Ordnan ini telah dipinda pada 1969 di mana beberapa peruntukan-peruntukan penting telah dimasukkan. Rang Undang-undang ini sekarang bertujuan untuk membuat beberapa pindaan bagi memperluaskan bidangkuasanya dan memperbaiki lagi berbagai-bagai faedah kepada pekerja-pekerja.

Saya ingin menegaskan dengan penuh kepercayaan dan kepastian bahawa peruntukan-peruntukan baru di dalam Rang Undang-undang ini tidak syak lagi adalah untuk faedah pekerja-pekerja. Tidak ada satu pun peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini yang bertentangan dengan kepentingan pekerja-pekerja. Saya akan menerangkan peruntukan mengenai faedah-faedah bersalin secara berasingan, kerana saya percaya ini adalah "controversial". Selanjutnya saya ingin menerangkan beberapa aspek-aspek penting di dalam Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Bidangkuasa Ordinan pekerjaan ini akan diperluaskan dengan pindaan kepada Jadual Pertama Ordinan ini seperti yang terdapat di Fasal 43, Rang Undang-undang itu. Ordinan ini pada masa sekarang dikuatkuasakan kepada semua "buruh-buruh" yang bekerja sebagai buruh kasar tanpa mengira pendapatan mereka, dan kepada buruh-buruh kasar yang berpendapatan \$500 sebulan atau kurang. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda "ceiling" \$500 ini kepada \$750 bagi pekerja-pekerja yang bukan buruh kasar. Istilah "Buruh" tidak akan lagi digunakan di dalam Ordinan ini. Istilah ini

akan digantikan dengan perkataan "Pekerja". Fasal 2 (c) di dalam Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri untuk memperluaskan bidangkuasa Ordinan ini dengan secara mengeluarkan perintah-perintah bagi meminda Jadual Pertama, atau dengan mengistiharkan bahawa Ordinan ini dan lain-lain Undang-undang bertulis, dikuatkuasakan kepada sesiapa pun atau sekumpulan pekerja-pekerja supaya mereka boleh dianggap sebagai "pekerja" dari segi Ordinan ini dan lain-lain Undang-undang.

Adalah juga diharapkan untuk memperluaskan faedah-faedah Ordinan ini kepada sebahagian daripada rakyat kita yang sekarang terkeluar dari bidangkuasa Ordinan ini oleh kerana mereka tidak mempunyai satu kontrak perkhidmatan yang jelas atau digaji dengan secara mutlak.

Satu lagi perluasan yang besar terhadap Ordinan ini dibuat di dalam Fasal 4, dengan memberi kuasa kepada Menteri untuk melarang sesiapa sahaja ataupun sekumpulan pekerja dan diambil bekerja oleh mana-mana perusahaan melainkan dengan satu kontrak perkhidmatan (contract of service). Kuasa ini akan membolehkan Menteri membuat penyiasatan atau campurtangan di dalam sistem pekerjaan yang kerap kali dipersoalkan iaitu "CONTRACT LABOUR SYSTEM".

Bagi kali pertamanya dalam sejarah negara ini Kerajaan boleh campurtangan dan menguruskan secara effective masalah-masalah dan penyelewengan yang timbul dari sistem ini. Kuasa ini adalah difikirkan perlu sejak beberapa lama dahulu, kerana sistem pekerja-pekerja kontrak ini telah digunakan oleh majikan-majikan untuk mengelakkan diri daripada berbagai tanggungjawab seperti K.W.S.P. atau E.P.F., Pampasan Pekerja dan Keselamatan Sosial satu faedah yang lain termasuk juga menyekat pergerakan Kesatuan Sekerja yang ingin memperjuangkan kepentingan pekerja-pekerja itu. Kuasa bukanlah bertujuan untuk menghapuskan semua sekali sistem pekerja-pekerja kontrak ini kerana ada bidang-bidang pekerjaan yang memerlukan sistem ini.

Secara amnya, peruntukan-peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini merupakan satu pencapaian yang penting di dalam kemajuan undang-undang Buruh kita.

Di dalam perenggan akhir Fasal 4, adalah dicadangkan bahawa Menteri diberi kuasa dengan perintah, untuk mengecualikan ter-

takluk kepada syarat-syarat yang perlu dikenakan, sesiapa juga atau sekumpulan pekerja, dari semua atau apa-apa peruntukan Ordinan ini. Kuasa ini merupakan satu kuasa pengecualian umum, di mana beberapa peruntukan tertentu di dalam Rang Undang-undang ini adalah tidak sesuai untuk dikuatkuasakan kepada segolongan pekerja-pekerja yang tertentu. Walau bagaimanapun, tujuan utama kuasa ini adalah untuk memberi pengecualian kepada pekerja di Badan-badan Berkanun dan Majlis-majlis Tempatan supaya syarat-syarat perkhidmatan Suruhanjaya Harun dapat digunakan dengan sepenuhnya tanpa melanggar peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan ini. Di dalam Fasal 12 Rang Undang-undang ini, akan didapati bahawa tidak ada pertukaran yang dibuat mengenai peruntukan asas yang menghendaki majikan di dalam mana-mana perusahaan pertanian di sesebuah ladang, supaya menentukan pekerja-pekerja mereka yang bergaji hari diberi kerja sekurang-kurangnya 24 hari sebulan.

Adalah dicadangkan supaya Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan, dengan perintah, mana-mana majikan atau sekumpulan majikan dari peruntukan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang dikenakan. Saya ingin menegaskan bahawa tanggungjawab majikan yang ada sekarang tidak berubah. Tujuan peruntukan pengecualian ini ialah untuk mengendalikan hanya perkara-perkara yang terkeluar daripada kawalan majikan-majikan di mana mereka tidak dapat memenohi obligasi ini.

Walaupun bagaimanapun, pihak pekerja telah membangkitkan beberapa masalah mengenai Fasal 12 Rang Undang-undang ini dan saya telah mengambil keputusan tidak akan menamatkan Fasal ini. Saya akan mengemukakan cadangan pindaan untuk membatalkannya dalam jawatankuasa Dewan ini kelak.

Fasal 13, membatalkan Seksyen 17 Ordinan ini yang memperuntukkan, apabila kontrak perkhidmatan seseorang pekerja itu ditamatkan, kontrak perkhidmatan isterinya juga turut ditamatkan. Pembatalan peruntukan ini memberi kebenaran kepada pekerja wanita yang telah berkahwin untuk menggunakan hak-hak sendiri berkaitan dengan kontrak perkhidmatannya, iaitu sejajar dengan taraf wanita di negara kita sekarang.

Ordinan ini sekarang membenarkan potongan dibuat ke atas gaji seseorang pekerja itu hingga 50% dari pendapatannya. Fasal 16 (c) membenarkan potongan sebanyak 25% lagi iaitu bagi membayar balik pinjaman perumahan. Saya percaya Dewan yang mulia ini akan bersetuju bahawa peruntukan ini akan memberi pulang kepada pekerja-pekerja untuk memiliki rumah-rumah sendiri.

Di bawah undang-undang sekarang, pekerja-pekerja yang digaji oleh kontraktor-kontraktor atau pemborong-pemborong boleh menuntut tuntutan gaji kepada "Principal" majikan, di dalam tempoh 30 hari jika sekiranya pemborong-pemborong tersebut tidak berupaya membayar gaji mereka. Di bawah Fasal 18 adalah dicadangkan supaya tempoh ini dilanjutkan kepada 90 hari untuk memberi masa yang lebih panjang kepada pekerja-pekerja tersebut untuk membuat tuntutan. Tanggungjawab "Principal" ini akan juga diperluaskan kepada pemaju-pemaju perumahan.

Fasal 21 bertujuan untuk membuat beberapa pindaan penting mengenai cuti bersalin dan elann bersalin.

Undang-undang sekarang memperuntukkan cuti bersalin selama 30 hari sebelum bersalin dan 30 hari selepas bersalin, dan bayaran elann bersalin pada kadar yang ditetapkan sebanyak \$3 sehari selama 60 hari cuti itu, tanpa menghadkan bilangan bersalin di mana elann bersalin perlu dibayar oleh majikan.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda Ordinan ini seperti berikut:

Pertama: Adalah dicadangkan supaya cuti bersalin selama 60 hari boleh bermula dari mana-mana hari dalam tempoh 30 hari sebelum hari bersalin atau sehari selepas bersalin dengan tujuan supaya seseorang ibu akan dapat menikmati dengan penuhnya tempoh cuti rehat selama 60 hari.

Kedua: Kadar elann bersalin ialah kadar biasa gaji pekerja-pekerja itu tertakluk kepada had minima yang akan ditetapkan oleh Menteri, iaitu berlainan dengan kadar yang tetap sekarang sebanyak \$3 sehari. Kadar minimum yang akan ditetapkan oleh Menteri akan lebih tinggi dari \$3

sehari, dengan tujuan supaya seseorang itu akan dapat menikmati faedah bersalin dari segi kewangan yang lebih tinggi.

Ketiga: Kelayakan elann bersalin ini akan dihadkan kepada 3 orang anak yang hidup sahaja (3 surviving children). Walau bagaimanapun, kelayakan untuk mendapat cuti bersalin tidak diberi apa-apa sekatan.

Saya sedar bahawa pekerja-pekerja wanita akan menyambut baik atas bertambahnya faedah yang dicadangkan di bawah Fasal ini akan tetapi mereka tentu tidak puas hati dengan peruntukan baru yang menghadkan kelayakan bagi elann bersalin. Dalam soal ini saya ingin menerangkan faktor-faktor berikutan bagi pertimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Cadangan untuk mengekalkan bayaran elann bersalin ini bukanlah satu konsep yang baru bagi kita di Malaysia. Sekatan-sekatan yang sama telahpun dikuatkuasakan beberapa tahun yang lalu ke atas kakitangan Kerajaan termasuk pekerja-pekerja di badan-badan berkanun dan Majlis-majlis Tempatan iaitu berikutan dengan perakuan Suruhanjaya Gaji Suffian dan Harun. Kerajaan adalah bertanggungjawab penuh terhadap dasar Perancangan Keluarga Negara, dan oleh kerana pekerja-pekerja di sektor awam telah menerima sekatan-sekatan faedah bernalin ini, pekerja-pekerja di sektor swasta haruslah turut sama menyokong dan menerima konsep ini.

Berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan untuk memberi perkhidmatan Perancang Keluarga kepada rakyat kita dan adalah tidak sejajar dengan dasar Kerajaan jika pada masa yang sama tindakan tidak diambil bagi mengeneipkan "incentive-incentive" yang mengelakkan kadar kelahiran yang tinggi. Dengan alasan inilah sekatan terhadap elann bersalin ini dicadangkan. Di samping itu, Kerajaan adalah juga memperluaskan bidang kuasa perkhidmatan perancangan keluarga supaya lebih banyak wanita yang dapat meneruskan pekerjaan mereka selepas berkahwin tanpa terlampau banyak gangguan dalam pekerjaan mereka disebabkan oleh mengandung dan bersalin.

Saya ingin membuat satu perbandingan mengenai kedudukan perkara ini dengan negara-negara jiran kita.

Dalam sebuah negara jiran kita yang paling dekat sekali kelayakan untuk mendapat faedah elaun bersalin adalah terhad kepada dua anak yang hidup sahaja, dan berbagai-bagai langkah yang juga dikenakan untuk mengelakkan satu keluarga yang besar seperti bayaran hospital, bayaran sekolah dan lain-lain. Di dalam negara-negara yang lain tidak ada langsung faedah-faedah bersalin yang diberikan. Di sebuah negara jiran kita yang lain pula, faedah bersalin hanya diberi selama 6 minggu sahaja berbanding dengan 2 bulan di Malaysia.

Saya sedar bahawa perkara ini adalah satu issue yang "Controversial" dan ada berbagai-bagai pandangan bukan sahaja dari kalangan kita, bahkan juga dari Kesatuan Sekerja. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa permintaan seperti ini adalah kena pada masanya dan juga merupakan satu kemajuan terutama sekali jika kedua-dua elaun bersalin dan cuti bersalin itu ditimbangkan bersama-sama.

Adalah untuk kepentingan pekerja itu sendiri bahawa satu keluarga yang kecil dijadikan satu cara hidup yang biasa peruntukan ini dibuat bagi faedah ibu-ibu dan anak-anak keluarga yang kecil itu sendiri. Pihak M.T.U.C. telah mengemukakan cadangan kepada saya supaya semua aspek berkaitan dengan Perancangan Keluarga dijadikan satu perundangan negara yang lengkap. Kerajaan akan menimbangkan cadangan ini.

Mengenai Fasal 23 berikutan pertimbangan semula tentang para (a), saya akan membentangkan satu pindaan pada masa Bil ini ditimbang dalam jawatankuasa kelak.

Fasal 24 merupakan satu pindaan yang penting. Di bawah peruntukan sekarang seseorang pekerja yang bekerja pada hari rehat atas kemahuan majikan akan dibayar dua kali ganda dan jika bekerja atas kemahuannya sendiri beliau akan dibayar mengikut kadar biasa. Adalah dicadangkan jika pekerja itu bekerja pada hari rehat tidak kira atas kemahuan mana-mana pihak beliau akan dibayar dua kali ganda. Begitu juga di bawah Fasal 25, bayaran kerja lebih masa akan dibayar mengikut kadar $1\frac{1}{2}$ dari gaji biasa, tidak kira sama ada kerja lebih masa itu dijalankan atas kemahuan pekerja ataupun majikan. Pindaan ini akan dapat mengelakkan penyelewengan yang timbul berkaitan dengan kadar bayaran yang berlainan.

Di bawah Fasal 27, adalah dicadangkan bahawa kelayakan cuti rehat yang diwartakan, dengan dibayar gaji, akan ditambah dari 5 hari kepada 7 hari. Dengan pertambahan ini, jika perlu, Hari Pekerja juga boleh dijadikan sebagai satu hari cuti tahunan.

Pada masa sekarang, seseorang pekerja itu dikehendaki berkhidmat dengan majikannya sekurang-kurangnya selama 12 bulan sebagai perkhidmatan kelayakan (qualifying service) sebelum ia layak untuk mendapat cuti sakit dengan bergaji. Kelayakan tahunan ialah selama 14 tahun, jika tidak dirawat di hospital atau selama 60 hari jika rawatan di hospital diperlukan.

Fasal 29 bercadang untuk menghapuskan perkhidmatan kelayakan ini sama sekali, dengan tujuan supaya seseorang itu layak untuk mendapat cuti sakit dengan bergaji tanpa mengira perkhidmatannya. Peruntukan ini merupakan satu "asset" pada pekerja-pekerja di dalam sektor perusahaan dan perindustrian kita.

Fasal 30 dengan Rang Undang-undang ialah mengenai peruntukan di Seksyen 60G dan 60H Ordinan Pekerjaan iaitu berkaitan dengan faedah-faedah pengeneopian kerja dan faedah persaraan. Seksyen 60G menyatakan bahawa seseorang pekerja yang berkhidmat secara berterusan kurang dari 3 tahun dengan sesuatu majikan tidak layak untuk memberi faedah pengeneopian kerja. Sementara Seksyen 60H memperuntukkan bahawa pekerja-pekerja yang berkhidmat secara berterusan selama kurang dari 5 tahun tidak akan layak mendapat faedah persaraan. Di samping pengecualian pekerja yang lebih baru dari menikmati faedah-faedah ini, kedua-dua seksyen ini tidak menetapkan jumlah bayaran faedah pengeneopian kerja atau persaraan, terpujanglah kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja yang berkenaan untuk berunding dengan pihak Majikan.

Adalah dicadangkan supaya Seksyen 60G dan 60H ini dibatalkan, oleh kerana sekatan di dalam penggunaannya, dan dengan memberi kuasa kepada Menteri melalui pindaan di Fasal 42 (b) untuk membuat peraturan-peraturan yang lanjut untuk menetapkan kelayakan dan kadar-kadar bayaran faedah-faedah pengeneopian kerja dan persaraan.

Adalah juga dicadangkan untuk memberi pekerja yang lebih baru, yang berkhidmat kurang daripada tempoh "qualifying period"

yang telah ditetapkan, bagi menikmati faedah-faedah ini mengikut lama tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja tersebut. Pindaan ini akan dapat membaili tenaga pekerja kita yang baru di dalam ekonomi kita dan juga kepada sebilangan besar pekerja-pekerja yang tidak berorganisasi di dalam perusahaan-perusahaan yang kecil.

Peruntukan pindaan inilah yang saya maksudkan di dalam Dewan ini beberapa hari dahulu apabila Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berucap mengenai faedah-faedah pengenehan kerja dan faedah-faedah persaraan.

Saya harap penjelasan ini akan dapat menyelesaikan perkara ini. Tidak ada hak-hak yang dinikmati oleh pekerja sekarang yang telah ditarik balik. Pindaan ini sebaliknya adalah bertujuan untuk memperluaskan dan memperbaiki lagi faedah-faedah yang ada di dalam Ordinan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini telah berada di dalam pertimbangan Kerajaan sejak beberapa tahun dahulu. Ianya telah dibincangkan di dalam Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (N.J.L.A.C.) yang mengandungi wakil-wakil daripada pihak Majikan dan pekerja dan Kerajaan sejajar dengan semangat "tripartite consultation" yang kita amalkan di dalam lapangan buruh. Saya telah juga baru-baru ini berbincang dengan panjang lebar mengenai pindaan ini dengan pemimpin M.T.U.C. atas perkhidmatan mereka sendiri.

Saya sedar bahawa majikan-majikan, pekerja-pekerja dan Kesatuan Sekerja tidaklah dapat memberikan sokongan yang penuh terhadap beberapa peruntukan-peruntukan yang tertentu terutama sekali mengenai faedah-faedah bersalin. Saya telah menerangkan kepada mereka bahawa semua pindaan-pindaan ini adalah merupakan kemajuan di dalam perundangan buruh dan sosial di negara kita ini. Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa pindaan ini perlu dibentangkan di persidangan kali ini, kerana saya rasa kemajuan-kemajuan yang dicadangkan ini adalah "long overdue" dan adalah untuk kepentingan seluruh tenaga pekerja di negara ini.

Saya juga telah bersetuju untuk menentukan bahawa pelaksanaan peruntukan-peruntukan ini akan dibuat secara berhati-hati

dan dengan satu kajian yang rapi supaya kemajuan-kemajuan akan dapat dicapai sebagaimana yang diharapkan. Saya telah menjemput kedua-dua pihak majikan dan Kesatuan Sekerja mengemukakan pandangan-pandangan mereka mengenai perkara ini supaya, jika perlu, peruntukan ini boleh diubahsuai bagi memberi kesan-kesan seperti yang diharapkan.

Baru-baru ini M.T.U.C. telah juga mengemukakan kepada saya satu senarai pindaan yang mereka fikirkan patut dibuat berkaitan dengan Ordinan ini. Kementerian saya telah mula memproses serta membincangkan cadangan-cadangan pindaan yang dikemukakan itu. Akan tetapi tentulah mustahil bagi saya, di dalam tempoh yang paling singkat ini, untuk membentangkan pindaan tersebut di Dewan ini sekarang.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada mereka iaitu kita teruskan dengan pindaan-pindaan yang telah terkandung di dalam Rang Undang-undang ini dan menangguhkan buat sementara pindaan-pindaan selanjutnya kepada persidangan Parlimen yang berikutnya. Saya harap semua Ahli Yang Berhormat akan dapat memandang perkara ini dari segi yang saya nyatakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Hajjah Alshah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.17 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan saya hendak buat sedikit komen tentang apa yang disebutkan oleh beliau di akhir ucapannya. Saya dapati pada masa sekarang ini semua Menteri yang mengemukakan Rang Undang-undang menyatakan mereka telah berunding dengan sedalam-dalamnya, dengan teliti dengan semua pihak. Begitu juga, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan pindaan ini telah dirundingkan dengan pihak majikan dan pihak pekerja sejak beberapa tahun dahulu dan kemudian beliau menyatakan baru-baru ini beliau telah terima beberapa cadangan daripada pihak M.T.U.C. dan oleh sebab masa yang singkat, beliau tidak

boleh mengemukakan pindaan tersebut dalam Rang Undang-undang ini dan beliau berharap di persidangan akan datang beliau akan, "kalau perlu" katanya, membentangkan pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Menteri berkenaan itu benar-benar telah berunding dengan pihak majikan dan pihak kesatuan sekerja sejak beberapa tahun dahulu tentang pindaan ini, mengapakah M.T.U.C. baru-baru ini sahaja mengedarkan cadangan ataupun komen mereka kepada Menteri berkenaan? Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Menteri berkenaan telah berunding dengan pihak M.T.U.C. tentang pindaan ini mulai daripada bulan April yang lalu, barangkali pegawai-pegawai Kementerian berkenaan berhubung dengan M.T.U.C. bukan berkenaan pindaan ini, tetapi mengenai masalah yang timbul atau berbangkit daripada pindaan Rang Undang-undang ini, bukan ertinya pindaan ini diserahkan kepada M.T.U.C. untuk persetujuan mereka. Ini adalah satu perkara penting. Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Rang Undang-undang ini diedarkan kepada M.T.U.C. lebih awal beberapa bulan dahulu tentulah mereka tidak tidur ataupun tidak membuat tindakan yang lewat sehingga baru-baru ini sahaja diedarkan cadangan mereka. Jika benar hal itu adalah kesalahan mereka, tetapi pada pendapat saya mereka tidak diberi cukup masa untuk mengkaji pindaan tersebut.

Saya berpendapat juga, Tuan Yang di-Pertua, perundingan di antara majikan, M.T.U.C. dan juga Kementerian Buruh dengan N.J.L.A.C. telah diadakan pada 9hb Julai, 1976. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup satu minggu dahulu perundingan ini diadakan. Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Menteri yang berkenaan mempercepatkan atau di dalam bahasa Inggeris "in such a hurry" untuk meluluskan Rang Undang-undang ini di dalam Dewan ini? Mengapakah Menteri yang berkenaan tidak menangguhkan perbincangan tentang ini sehingga hari penghabisan Persidangan ini? Ini boleh memberi peluang bukan sahaja kepada pihak Kesatuan Sekerja tetapi kepada kita semua di sini untuk berunding dengan beberapa pihak yang tertentu dan boleh mengkaji pindaan yang dikehendaki oleh Menteri yang berkenaan dengan mendalam dan teliti. Tuan Yang di-Pertua, malangnya, Kerajaan kita dan Kementerian Buruh sentiasa buat

"piecemeal legislation" tentang perkara buruh di tanahair kita. Mengapakah Menteri yang berkenaan tidak mengadakan satu Suruhanjaya Buruh untuk mengkaji semua aspek kaum buruh di tanahair kita daripada semua aspek majikan—buruh dan Kementerian Buruh juga? Suruhanjaya ini boleh buat kajian yang terbuka bukan sahaja pekerja atau majikan tetapi orang lain pun boleh memberi pandangan kepada Suruhanjaya Buruh kalau Menteri yang berkenaan bersetuju dengan cadangan saya. Tuan Yang di-Pertua, jikalau Menteri yang berkenaan menerima cadangan saya, saya percaya pihak M.T.U.C. akan berterima kasih kepada Menteri yang berkenaan oleh sebab pihak M.T.U.C. telah beberapa tahun dahulu mengemukakan cadangan ini mendesak Menteri Buruh untuk mengadakan suatu Suruhanjaya Buruh untuk mengkaji segala aspek buruh di tanahair kita dan diharapkan, Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan akan buat demikian bukan membawa ke Dewan ini "piecemeal legislation."

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit-sebanyak tentang apa yang disebutkan oleh Menteri Buruh apabila beliau mengemukakan Rang Undang-undang tersebut. Yang pertama, tentang "approved amenities or approved service." Pihak pekerja tentulah tidak membantah tentang apa-apa kemudahan yang diberi oleh majikan seumpama makan tengahari percuma, atau memberi badminton court dan badminton shuttle dan alat-alat badminton percuma. Ini memang diterima oleh semua pihak pekerja dengan terima kasih tetapi apa yang pihak pekerja khawatir ialah apabila majikan memberi kemudahan-kemudahan seperti ini, apabila mereka berunding dengan pihak Kesatuan Sekerja tentang gajinya, mereka mengatakan: Oh! Anda menerima beberapa kemudahan-kemudahan oleh itu kita tidak boleh menaikkan gaji anda. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab pihak majikan memberi kemudahan-kemudahan yang saya puji tetapi apabila mereka berunding dengan pihak Kesatuan Sekerja tentang gaji mereka tidak mahu menaikkan gaji oleh sebab mereka ada memberi kemudahan-kemudahan tersebut. Oleh itu, timbullah kekhuatiran dan kebimbangan antara pekerja-pekerja dan saya harap jika apa

yang disebutkan oleh saya timbul, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat boleh mengambil tindakan sewajarnya untuk faedah buruh.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya hendak sentuh ialah tentang "shift" pekerja. Di dalam pindaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, beliau telah menerima potongan "shift" iaitu satu "shift" umpamanya 8 jam, sekarang dipotong 4 jam satu masa dan 4 jam satu masa. Ini ialah untuk beberapa golongan pekerja-pekerja hotel dan pekerja-pekerja tentulah berkehendakkan bekerja terus, bukan memecahkan masa mereka bekerja. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya berpendapat pekerja-pekerja kbuatir ialah umpama pekerja buat "shift" malam daripada pukul 11.00 malam sehingga pukul 6.00 atau 7.00 pagi dan mereka mengaturkan kerja-kerja dengan memberi hari cuti (off day) untuk mereka tidur. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, biasanya seorang yang bekerja malam mesti berihat pada waktu siang, tetapi oleh sebab beliau bekerja malam dan beliau patut tidur di siang hari mereka diberi cuti (off day) dan mereka hilang satu hari, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat ini banyak berlaku di kilang-kilang dan saya harap Kementerian Buruh akan siasat perkara ini dan saya berpendapat juga di MAS mereka memecahkan "shift" kerja-kerja sebab pekerja yang kadang-kala tidak boleh tahan, repot sakit (sick) kepada doktornya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya hendak sentuh tentang "contract labour". Menteri yang berkenaan telah menyatakan beliau sedar, Menteriannya sedar apa yang timbul terhadap pekerja-pekerja kontrek. Mereka tiada kemudahan K.W.S.P., mereka tidak ada kemudahan SOCSO, tiada pencen dan sebagainya dan pekerja-pekerja berharap walaupun Menteri yang berkenaan ada kuasa untuk mengecualikan sekumpulan kerja terhadap satu atau semua syarat-syarat yang ada dalam pindaan ini, saya berharap sebelum Menteri atau Menteriannya mengecualikan pihak majikan daripada syarat-syarat yang tertentu di dalam pindaan ini Menteri atau pegawai-pegawai Jabatan Buruh akan siasat dengan teliti dan mendalam keadaan di sesuatu industri atau sesuatu kumpulan pekerja itu supaya pekerja-pekerja tidak ditindas oleh majikan. Oleh sebab di tanahair kita pada

masa sekarang pekerja-pekerja di bawah contract labour semua ditindas oleh majikan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya hendak sentuh sedikit-sebanyak tentang cuti bersalin yang mana Menteri yang berkenaan telah bercakap dengan panjang lebar. Beliau telah sedar bukan bantahan daripada M.T.U.C. tetapi juga wanita-wanita di sini. Wanita dan pihak M.T.U.C. hendak bertanya Menteri yang berkenaan, mengapakah pekerja-pekerja di bawah Ordinance ini sah ada terhad diberikan kemudahan-kemudahan oleh majikan. Menteri yang berkenaan telah berkata, ada jiran kita; walaupun beliau tidak sebut nama, tetapi saya akan sebutkan nama. Singapura ada menghadkan lebih dua orang anak, si ibu tidak dapat apa-apa kemudahan, itu untuk umum. Tetapi ini untuk pekerja-pekerja perempuan. Itulah perbezaannya, Tuan Yang di-Pertua. Mengapakah ada perbezaan ini? Pekerja-pekerja di tanahair kita diugut. Isteri saya, kalau beliau tidak ada kerja, ada kemudahan-kemudahan tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang beri kemudahan itu, kalau tidak ada kerja?

Dr Tan Chee Khoo: Isteri saya, Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak faham, sebab itu saya bertanya Yang Berhormat menerangkan. Jikalau tidak ada kerja, siapa yang hendak beri kemudahan itu.

Dr Tan Chee Khoo: Ada pekerja-pekerja yang tidak di bawah kuasa ini. Menteri yang berkenaan berkata tidak ada, tetapi saya akan membangkitkan perkara ini di masa akan datang. Tetapi saya hendak bertanya kepada Menteri ini apakah pekerja-pekerja perempuan tidak memberi kemudahan-kemudahan yang diberi kepada orang lain. Kalau Menteri yang berkenaan secara umum berkata semua perempuan yang ada tiga orang anak di dalam pindaan ini; anak yang keempat pergi ke hospital mesti bayar mengikut kadar: 1st class, 2nd class atau 3rd class. Semua kena bayar. Itu boleh. Tetapi perbezaan ini saya sedar telah dibantah oleh M.T.U.C. Dan saya percaya wanita-wanita di dalam Dewan Rakyat ini apabila mereka bercakap, mereka pun akan membantah. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah dengar dengan telitinya cuti kepada pekerja-pekerja telah dipanjangkan daripada lima hari ke tujuh hari. Dan Menteri yang berkenaan mengatakan kemudahan ini begitu besar. Dan ini termasuk Hari Buruh, katanya. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah saya bertanya kepada Menteri Yang berkenaan...

Tuan Yang di-Pertua: Hari apa? Labour Day!

Dr Tan Chee Khoo: Ya, Labour Day.

Tuan Yang di-Pertua: Setahun sekali sahaja.

Dr Tan Chee Khoo: Mengapa termasuk Labour Day, Tuan Yang di-Pertua. Kecualikan Labour Day.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada pihak Kerajaan kalau sekiranya Kementerian Buruh benar-benar hendak mewakili pihak buruh di Dewan ini, hendak menjaga, membela, melindungi buruh di tanahair kita, mengapakah Menteri yang berkenaan tidak memanjangkan cuti daripada lima hari ke sepuluh hari. Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, sepuluh hari tidak banyak. Sepuluh hari cuti bergaji tidak begitu banyak untuk seorang bagi satu tahun. Diharaplah di masa akan datang kalau sekiranya ada Suruhanjaya Buruh atau ada pindaan yang akan dibawa ke Dewan ini atau dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan, saya berharap beliau akan mengkaji perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya di dalam pindaan yang di hadapan kita sekarang tidak ada kemudahan-kemudahan perubatan. Apapakah Menteri yang berkenaan tidak membawa pindaan supaya semua pekerja itu mendapat kemudahan perubatan daripada semua pihak majikan. Ini yang mustahak, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oleh sebab walaupun ada banyak, makin lama makin bertambah pekerja perempuan tetapi ada pekerja-pekerja lelaki yang lebih sekarang, mengapakah Kerajaan ataupun Menteri yang berkenaan tidak memberi kemudahan-kemudahan perubatan kepada semua pekerja. Saya berharap, Menteri yang berkenaan bukan mengambil perhatian sahaja atas perkara ini, tetapi bertindak di masa

akan datang dan beliau akan membawa pindaan supaya semua pekerja-pekerja di tanahair mendapat kemudahan-kemudahan perubatan.

5.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang (Pindaan) Pekerja, 1976 ini merupakan apa yang salah di Malaysia hari ini dan apakah sebabnya Malaysia hari ini menghadapi krisis nasional ditandai oleh lebih giatnya kegiatan gurila komunis di bandar dan hutan. Di samping itu kekacauan sosial, ekonomi dan politik di negara ini akan berkembang kencang.

Sebenarnya, Kerajaan tidak habis-habis menyatakan hasratnya untuk membantu golongan yang miskin dan sektor yang lemah lumpuh. Golongan ini mewakili majoriti rakyat Malaysia tetapi tindakan Kerajaan ialah untuk mengkayakan mereka yang kaya dan yang miskin kian tahun kian menjadi lebih miskin di bawah usaha-usaha pembangunan Kerajaan. Ini adalah cerita sama di dalam bidang perhubungan buruh. Tiap-tiap kali adanya Undang-undang Buruh ataupun pindaan perundangan, tiap-tiap kaum pekerja yang mengalami kerugian dan pihak majikanlah yang menjadi lebih teguh kepada kuasa dan authority daripada kaum pekerja.

Pindaan 1976 terhadap Ordinan Kerja 1955 merupakan satu kegembiraan kepada pihak pengurusan atau majikan dan merupakan satu kemenangan dan kecelakaan kepada pekerja. Tiap-tiap pindaan yang besar di dalam Rang Undang-undang ini adalah sangat-sangat merugikan pekerja-pekerja dan keuntungan pihak majikan. Barangkali Rang Undang-undang ini boleh disifatkan sebagai satu hadiah yang khas daripada President M.C.A. kepada pihak-pihak kapitalis dan pihak-pihak pengurusan. Pada 3hb Julai, 1976 sebelum bermulanya persidangan Parlimen ini, saya menerima sepucuk telegram daripada Secretary-General M.T.U.C., Mr S. J. H. Zaidi, dan saya percaya semua Ahli-ahli Parlimen telah pun mendapat telegram ini yang berbunyi:

(Dengan izin) "Government's present proposals to amend Employment Ordinance, 1955 very damaging to workers' interest and are completely unacceptable. These amendments must not

therefore be introduced in Parliament unless fully discussed and agreed with all concerned. M.T.U.C. seeks your support and co-operation for its stand."

Selepas menerima telegram itu, saya talipon Encik Zaidi untuk mendapatkan gambaran yang lebih lanjut mengenai apa yang telah berlaku, oleh kerana saya terperanjat, sebab saya fikir M.T.U.C. tentu telah dirunding (consulted) oleh pihak Kementerian Buruh. Tetapi apa yang Encik Zaidi beritahu saya ialah mengenai pindaan-pindaan yang di hadapan kita bahawa pihak M.T.U.C. tidak diconsulted, tidak dirunding.

Dan sungguhpun terdapat N.J.L.A.C. yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat mewakili gerakan buruh dan majikan tetapi pindaan-pindaan ini tidak dikemukakan kepada N.J.L.A.C.—jawatankuasa besar atau main committee untuk discussion dan

Tuan Yang di-Pertua: Apa maknanya pertataan "N.J.L.A.C." itu

Tuan Lim Kik Siang: National Joint Labour Advisory Council.

Tuan Yang di-Pertua: Berikan nama yang penuh lebih senang.

Tuan Lim Kik Siang: Saya diberitahu bahawa pada satu masa dalam tahun 1974 pihak Kerajaan telah mengemukakan cadangan-cadangan untuk meminda Ordinan Kerja kepada satu Jawatankuasa-kecil N.J.L.A.C. tetapi wakil-wakil kesatuan tidak menyetujui dan tidak langsung diadakan apa-apa mesyuarat N.J.L.A.C. dalam tahun 1975. Dan apabila Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat merasmikan upacara mesyuarat N.J.L.A.C. pada bulan yang lalu apa yang beliau memberi tahu pihak M.T.U.C. ialah sekiranya mereka ada pindaan-pindaan atau cadangan-cadangan mengenai Rang Undang-undang ini, mereka haruslah kemukakannya sebelum 5hb Julai iaitu hari yang pertama di mana perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini akan diadakan dan diluluskan, tetapi telah ditunda oleh kerana salinan Rang Undang-undang ini dalam Bahasa Malaysia belum siap lagi. Itu menunjukkan bahawa M.T.U.C. tidak diberi peluang untuk memberi pandangan mereka, memberi sumbangan kepada pindaan-

pindaan yang sangat mustahak untuk menetapkan syarat-syarat bagi pekerja-pekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah mengakibatkan wakil-wakil buruh di dalam N.J.L.A.C. mengalami kehilangan erti yang sebenarnya dan itu menggambarkan betapa rendahnya penghargaan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat terhadap pandangan pekerja-pekerja dan pergerakan bu h. Beliau juga menunjukkan bahawa N.J.L.A.C. merupakan satu show piece sahaja bukan sebenar-benarnya untuk consult, menasihati dan contribute kepada perubahan-perubahan dalam Undang-undang Pekerja atau Buruh. Pada hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada satu pengecualian daripada kenyataan ini ialah mengenai contract labour yang saya akan sentuh kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, sangat malangnya pihak Kementerian tidak memberi pandangan yang berat kepada pandangan-pandangan kaum pekerja dan tidak peduli akan kesatuan-kesatuan sekerja tentang perubahan-perubahan yang akan diadakan terhadap Undang-undang Buruh. Ini menunjukkan terdapat satu pertalian, perhubungan di antara pihak majikan dan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya tidak fikir bahawa ini akan memceraijatkan oleh kerana nampaknya sudah lama ada satu perhubungan yang boleh disifatkan symbiotic relationship di mana satu organisma tinggal dalam satu organism untuk kepentingan bersama. Apakah perhubungan antara Kementerian Bu h dan Tenaga Rakyat dengan pihak majikan khamya employers' group? Saya akan menjelaskannya apa yang saya maksudkan.

Saya telahpun diberitahu oleh pemimpin-pemimpin M.T.U.C. bahawa orang yang bertanggungjawab untuk merangka cadangan-cadangan Rang Undang-undang ini ialah seorang yang bernama Encik Chung Shin Che yang menjadi Commissioner of Labour sebelum beliau bersara dan kini berkhidmat dengan pihak MAPA (Malayan Agriculture Producers' Association). Maka itulah sebabnya pihak pekerja sangat tidak yakin, tidak ada kepercayaan terhadap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, khamya apabila terdapat pegawai-pegawai tertinggi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di meja

perundingan membincangkan rangka perubahan kepada Undang-undang, selepas itu pegawai-pegawai tinggi itu berhenti dan masuk bekerja dengan pihak majikan. Itu adalah satu conflict of interest. Sungguhpun kita tidak kata bahawa beliau tidak bebas tetapi tentu ada satu conflict of interest dan ini tentulah bertentangan dengan tujuan untuk mengwujudkan perdamaian perusahaan (industrial peace).

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu soalan, apakah peranan Encik Chung Shin Che di dalam merangka Rang Undang-undang ini dan itu menimbulkan syakwasangka mengenai beberapa pindaan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah bercakap lebih daripada 5 minit tidak menyentuh sedikit pun apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini. Saya persilakan Yang Berhormat menyentuh Rang Undang-undang ini. Fasal procedure yang dibuat oleh Encik itu dan Encik ini tidak termasuk dalam Rang Undang-undang ini. Sudah bertanya sekali cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Itu mengenai latar belakang Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat mulai sekarang sentuh Rang Undang-undang ini, jangan sebut perkara lain lagi kerana merugikan masa Dewan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum saya menyentuh peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini, saya mahu bantah dengan kerasnya bahawa tidak ada satu salinan (copy) Ordinan Kerja dalam Bahasa Malaysia. Saya telah membuang masa yang banyak mencari satu Employment Ordinance dalam Bahasa Malaysia oleh kerana keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bahawa perjalanan perbahasan di dalam Dewan ini ialah dalam Bahasa Malaysia. Saya sedar official version Ordinan ini di dalam bahasa Inggeris tetapi selepas merdeka 20 tahun sepatutnya ada satu version dalam Bahasa Malaysia untuk menyenangkan Ahli-ahli Yang Berhormat membaca dan mengkaji perkara ini. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa faham. Maknanya Undang-undang asal itu tidak dalam Bahasa Malaysia?

Tuan Lim Kit Siang: There is a translation now, sungguhpun bukan official version. Saya mahu menyentuh yang pertama Clause 12 di mana ada di Section 16 Ordinan Kerja yang berbunyi:

"Where a labourer is employed in any agricultural undertaking on an estate on a contract of service under which he earns wages calculated by reference to the number of days' work performed in each month of his service, his employer shall be bound either to provide him with work suitable to his capacity on not less than 24 days in each month during the whole of which he is so employed, or if the employer is unable or fails to provide work on 24 days in each month where on the labourer is willing and fit to work, the employer shall nevertheless be bound to pay to the labourer in respect of each of such days' wages at the same rate as if such days' had performed a day's work;

Provided that any dispute as to whether a labourer was willing or fit to work shall be referred to the Commissioner for his decision;

Provided further that in computing 24 days for the proposes of this sub-section account shall not be taken of more than six days in any week."

Ini adalah satu bentuk perlindungan gaji minima bagi pekerja-pekerja pertanian untuk memastikan bahawa mereka akan dapat memperoleh kerja 24 hari atau gaji 24 hari di mana mereka disable. Mereka sudi dan sesuai untuk bekerja tetapi majikan tidak sanggup atau gagal untuk memberikan mereka kerja. Perlindungan adalah sangat diperlukan untuk menjamin seseorang yang bertugas dikegiatan pertanian boleh hidup tanpa gangguan, apa-apa kesusahan bila dia telah dilanda untuk menghadapi keburukan cuaca atau lain-lain faktor vagaries of nature or weather dan juga dia tidak boleh bekerja untuk lain-lain majikan untuk menambahkan gajinya kerana mereka tinggal dalam tied-houses in plantations dan sukar hendak mendapat kerja dengan majikan lain. Dengan ini pekerja-pekerja pertanian ini tidak akan tertakluk kepada vagaries of weather and nature dan hujan dan ini adalah diketahui

semua bahawa pada hari hujan, penoreh-penoreh getah tidak dapat menoreh dan tentu majikan tidak dapat memberikan kerja. Banyak majikan pada masa dahulu telah mengelakkan tanggungjawab ini yang ditetapkan dalam zaman penjajahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 16 (1) Ordinan Kerja, tetapi ini adalah sangat-sangat memeranjatkan kerana Kerajaan selama ini telah memejam matanya untuk mengizinkan majikan-majikan melarikan daripada tanggungjawab ini. Yang memeranjatkan ialah tuan-tuan besar (the colonial masters) nampaknya lebih mementingkan kebajikan pekerja-pekerja pertanian daripada Kerajaan Malaysia selepas merdeka kerana terdapat satu percubaan untuk meminda fasal ini dan kita tahu majikan-majikan dahulu ada mendesak Kementerian untuk meminda dan kita tahu ada satu case

Tuan K. Pathmanabam: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa tegurannya, saya tidak dengar.

Tuan K. Pathmanabam: Untuk penerangan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah bercadang hendak membatalkan Fasal 12 itu dan kita hanya membuang masa Dewan ini dengan ucapan Yang Berhormat itu di atas Fasal 12.

Tuan Yang di-Pertua: Fasal 12 hendak dibatalkan, begitukah?

Tuan K. Pathmanabam: Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa pada masa peringkat Jawatankuasa Dewan, Menteri akan batalkan Fasal 12 dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membuang masa Dewan ini bercakap mengenai Fasal 12.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat mengikuti ucapan Yang Berhormat Menteri tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan satu pindaan untuk membatalkan fasal ini dan saya pun ada dengar Yang Berhormat Menteri berkata sebab-sebabnya, tetapi oleh kerana fasal ini ada dikemukakan, saya pun hendak menggunakan peluang ini untuk bertanya sebab-

sebab pada awalnya, adakah tujuan atau percubaan untuk meminda fasal ini. Tentulah pihak Yang Berhormat Menteri sanggup memberi satu jawapan kenapa yang pada awal-awalnya ada niat untuk meminda seksyen ini, oleh kerana pindaan ini akan bertentangan dengan kepentingan pekerja oleh kerana mungkin bukan semua Ahli-ahli Yang Berhormat tahu, terdapat satu kes di Mahkamah mengenai samada pihak majikan wajib memberi 20 hari kerja atau membayar 20 hari gaji, iaitu kes *Kinara Estate dan V. Govinda Pillai*. Saya tidak akan sebut butir-butir mengenai kes ini, oleh kerana Hakim Harun Hashim yang memperhakamkan kes ini telah menangguhkan keputusannya, tetapi oleh sebab adanya satu kes, kenapa terdapat percubaan untuk meminda fasal ini. Itulah apa yang saya kata tindakan-tindakan oleh pihak Kementerian untuk menyebelah pihak

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, kes ini belum putus lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Masih belum diputuskan. Saya tidak mahu sebut apa-apa mengenai kes itu.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apa guna bertanya, apa sebab hendak dipinda?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana ada percubaan hendak meminda

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana Menteri hendak jawab kes belum putus.

Tuan Lim Kit Siang: Tentulah pihak Yang Berhormat Menteri tahu ada kes ini, kenapa ada percubaan ini, atau mereka tidak tahu atau mereka jahil. Saya mahu dapat jawapan itu daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kes belum putus, saya tidak akan membenarkan dijawab, sama juga saya tidak benarkan Ahli Yang Berhormat sebut, sebab tentu akan mencatatkan kes itu. Ingatlah Peraturan!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada sebut mengenai kes ini. Saya tidak sebut apa merits atau demerits, tetapi tentulah kita mesti tahu dalam Dewan ini ada kes atau tidak ada kes. Barangkali Yang Berhormat Menteri tidak

tahu dan adalah mustahak kita beritahu dia terdapat satu kes ini. Kita tidak begitu jahil semacam Yang Berhormat Menteri Buruh.

Tuan Yang di-Pertua: Setakat itu sahaja bolehlah. Sila sambung!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya mahu menyentuh Fasal 30 Seksyen 60G dan 60H dalam Ordinan Kerja yang berbunyi:

"No labourer who has been in continuous service with an employer for less than three years shall be entitled to any retrenchment benefit on the termination of his service by the employer on the ground of redundancy or by reason of any re-organisation of the employer's profession, business, trade or work."

Dan Seksyen 60H berbunyi.

"No labourer who has been in continuous service with an employer for less than five years shall be entitled to any retirement benefit other than the sums payable under the Employees Provident Fund Ordinance on the cessation of his service with the employer."

Tadi Yang Berhormat Menteri apabila membentangkan Rang Undang-undang ini telah mengatakan bahawa pindaan ini akan memberi faedah kepada pekerja-pekerja dan tidak ada apa-apa dalam pindaan ini yang akan merampaskan (take away) hak-hak pekerja yang ada sekarang. Inilah satu contoh di mana pindaan ini akan merampas, apa-apa hak-hak pekerja-pekerja yang ada sekarang. Saya tidak puas hati dengan kedua-dua Seksyen 60G dan 60H ini yang ada sekarang. Ada dua alasan.

Pertama, ia memperuntukkan tempoh kelayakan (qualifying period), iaitu pekerja yang berkhidmat kurang daripada 3 tahun adalah tidak layak mendapat retrenchment benefit dan pekerja-pekerja yang berkhidmat kurang daripada 5 tahun tidak layak dapat retirement benefit.

Kedua, Ordinan Kerja tidak menetapkan quantum atau jumlah atau asas untuk membayar faedah-faedah retrenchment dan retirement benefit. Itulah dua defects Ordinan tersebut.

Perkara ketiga yang tidak memuaskan yang juga mustahak ialah kedua-dua seksyen ini tidak menetapkan hak secara undang-

undang yang jelas kepada kaum pekerja-pekerja tentang faedah-faedah retrenchment dan bersara ini di mana mereka telah bekerja melebihi 3 tahun atau 5 tahun dan sebab itu adalah majikan-majikan menegaskan bahawa Seksyen 60G dan 60H hanya semata-mata menetapkan tempoh kelayakan untuk menuntut faedah-faedah retrenchment dan bersara tanpa apa-apa kewajipan pada pihak majikan untuk membayar. Dalam perkataan yang lain pekerja-pekerja berhak claim retrenchment, claim retirement selepas 3 tahun atau 5 tahun tetapi no legal right to it. Itulah contention majikan daripada Seksyen 60G dan 60H.

Sebagai contohnya jika sekiranya sebuah syarikat tertutup dan kesatuan sekerja mengemukakan tuntutan faedah retrenchment di bawah Seksyen 60G tentu ia seharusnya tertakluk kepada tempoh kelayakan 3 tahun (qualifying period) tetapi pihak majikan boleh entertain claim ini atau tidak mahu entertain. Ada satu kes, itu sudah habis.

Ada satu case mengenai ini iaitu Malayan Pineapple Company Sendirian Berhad, Klang versus Food Industry Employees Union (originating motion No. 64 of 1974). di mana Mahkamah Tinggi telah menyelesaikan issue ini.

Dalam menyokong keputusan Mahkamah Perusahaan tentang faedah retrenchment kepada pekerja yang diberhentikan kerja ini, Tuan Hakim Azmi dalam keputusannya berkata:

"I do not agree that under Section 60G there is no obligation on the part of an employer to pay retrenchment benefits. Since the section provides for qualification period for making retrenchment benefit, then it follows those who qualify must have a legal right to such benefit Any other interpretation would render the section meaningless."

Di sini sekali lagi ditunjukkan bahawa selepas perkara ini dihadapkan ke Mahkamah, hak-hak pekerja kepada retrenchment benefit, kepada retirement benefit di laid down. Mahkamah kata ada, apa ertinya pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya tidak berapa faham. Yang Berhormat sentuh Seksyen 60G dan 60H?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Rang Undang-undang ini, saya tengok Seksyen 60G, 60H hendak dibatalkan peraturan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dibatalkan. Yang Berhormat Menteri telah menerangkan

Tuan Yang di-Pertua: Jadi makna hujjahnya tidak bersetuju dengan pembatalan ini. Tolong terangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa beliau bercadang membatalkan seksyen 60G dan 60H oleh kerana yang pertama sekarang baru orang-orang yang ada qualifying period tiga tahun atau lima tahun boleh mendapat retrenchment benefit atau retirement benefit dan orang-orang yang berkhidmat kurang daripada tempoh ini tidak boleh dapat. Hujah-hujah saya ialah apabila Seksyen 60G dan 60H dibatalkan legal right seorang pekerja yang ada qualifying period pun hilang. Itulah yang menunjukkan bahawa hak-hak pekerja yang ada telah taken away. Saya tahu ada satu peruntukan di belakang di mana Yang Berhormat Menteri ada kuasa buat peraturan prescribing entitlement to and payments of retrenchment and retirement benefits tetapi apa ertinya. Tidak ada hak. Semua terserah kepada compassion, social conscience Yang Berhormat Menteri. Itu bukan memajukan kepentingan rakyat dan kaum pekerja. Sekarang ada hak itu untuk orang-orang yang berkhidmat untuk tiga tahun, lebih tiga tahun atau lebih lima tahun. Sekarang peruntukan itu dibatalkan (cancel it). Dan sekarang Menteri berkata; saya bagi, ada hak; tidak bagi, tidak ada hak. Orang yang bekerja selama sepuluh tahun, Yang Berhormat Menteri tidak mahu bagi pun tidak ada hak. Itulah, ertinya perpindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan tadi perkara ini telah dibawa ke court, pekerja-pekerja yang menuntut menang tetapi sekarang semua kemenangan mereka sudah hilang. Betapa susahnyanya kejayaan yang d menangi oleh pekerja-pekerja di mahkamah, ini telah dengan mudahnya di rampas (taken away) oleh majikan melalui pengaruh mereka atas Menteri yang mendesak Menteri kemukakan pindaan ini. Di bawa pindaan sekarang terhadap Ordinance—Kerja ini, hak-hak

pekerja terhadap faedah retrenchment and retirement benefit selepas tempoh kelayakan ini akan dihapuskan dan kaum pekerja akan hilang dua hak yang wujud sekarang ini yang dianggap sangat mustahak di bidang keselamatan sosial (social security). Yang Berhormat Menteri Buruh tidak menjelaskan dengan sepenuhnya tadi supaya menakutkan betapa perlunya Seksyen 60G dan 60H dibatalkan. Tidak ada apa-apa justification. Di Malaysia bukan sahaja majikan tetapi juga pihak Kementerian Buruh tidak mengakui legitimate right kaum pekerja untuk menikmati keselamatan kerja yang berpatutan supaya boleh mereka untuk merancang diri sendiri dan keluarganya di bidang penghidupan. Pihak majikan dan pihak Kementerian Buruh tidak memahami bahawa kepada kaum pekerja kehilangan kerja yang disebabkan oleh retrenchment adalah merupakan satu kecelakaan yang mungkin mengakibatkan keruntuhan dan kebinasaan keluarga dan rumahnya. Faedah-faedah retrenchment adalah sebagai jaminan ekonomi terhadap kesusahan yang dialami pada kehilangan kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana seorang tuannya mempunyai property yang berhak pada harta bendanya dan bila dirampaskan hartabendanya, dia layak menerima pampasan. Sebagai seorang pekerja ia harus dianggap mempunyai hak yang sama seperti hak pada propertynya, hak right to work pada kerjanya. Seorang pekerja adalah diperakui sebagai mempunyai hak untuk menikmati keselamatan kerja dan hak-hak yang dinikmati selaras dengan nilai perkhidmatan tahunannya. Sekiranya pihak Kementerian Buruh hendak memperbaiki Seksyen 60G dan 60H, hendak memberi quantum yang tidak ada sekarang, yang mahu membolehkan pekerja-pekerja yang tidak dapat qualifying period sekarang boleh menikmati retrenchment and retirement benefit bukan dengan jalan ini. Prescribe powers kepada Yang Berhormat Menteri; mahu bagi atau tidak mahu bagi, tetapi take away qualifying period.

Kedua memberi asas-asas principles bukan quantum. Asas-asas, fikiran, kira quantum, kepada seorang Menteri. Adakah seorang Menteri akan jadi omnipotent, omnipresent, all powerful superman. Hak-hak ini tidak harus dirampas semacam ini. Sebab itu, saya akan mengemukakan satu pindaan di dalam

Jawatankuasa dan sekiranya apa Yang Berhormat Menteri terangkan semasa beliau bentangkan Rang Undang-undang ini benar, mahu memperbaiki peruntukan-peruntukan, saya harap beliau boleh sokong pindaan-pindaan yang saya akan kemukakan kelak supaya tidak membatalkan Seksyen 60G dan 60H tetapi memperbaiki Seksyen 60G dan 60H.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak nampak pengaruh majikan mengenai perangkaan Undang-undang lebih mempengaruhi daripada M.T.U.C., sebab itu pindaan ini dan peruntukan peraturan-peraturan ini tidak boleh disetujui dan sebab itu Trade Unions (Kesatuan-kesatuan Sekerja) bimbang bahawa apa yang mereka ada akan hilang.

Bahagian IX Perlindungan Bersalin yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini pada dasarnya adalah sama dengan Bahagian IX yang ada sekarang kecuali bagi Seksyen 37 (1) (c) baru yang akan menghadkan kaum wanita untuk menikmati elaun bersalin hanya kepada tiga anak sahaja. Pihak majikan tentulah rasa sangat gembira dan sebenarnya mereka tentulah menjadi penggalak yang utama. Tetapi telahkah Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pihak Kesatuan Sekerja mengenai perkara ini? Memang Rancangan Keluarga dan pengawalan beranak merupakan satu objective yang boleh diterima, tetapi pengawalan bilangan penduduk ini hendaklah diterima sebagai salah satu bahagian dari keseluruhannya dasar operation control. Jika sekiranya langkah-langkah kawalan bilangan pertumbuhan penduduk hanya dihadkan kepada satu seksyen penduduk sahaja—kaum pekerja tentulah pekerja-pekerja akan merasa mereka itu dianiayakan.

Saya tidak dapat melihat mengapa dalam kes ini Yang Berhormat Menteri Buruh tidak dapat membincang cadangan pergerakan buruh dengan sepenuhnya dan memperoleh persetujuan mereka. Saya tidak ada syak wasangka bahawa persetujuan pergerakan buruh dan kaum pekerja untuk menghadkan hak elaun bersalin akan dapat diperolehi jika ini merupakan salah satunya bahagian dari dasar kawalan bilangan penduduk kebangsaan. Umpamanya, keutamaan yang diberi oleh Kerajaan baik di kawasan bandar atau luar bandar adalah juga dipengaruhi oleh pertimbangan-pertimbangan

kawalan bilangan penduduk. Tetapi di sini sekali lagi kami dapat lopsided amendment buruh kontrek.

Sekarang saya sentuh perubahan besar sebagaimana yang dapat dilihat dalam Seksyen 2A yang baru ini. Ini akan membolehkan Menteri to prohibit by order the employment, engagement or contracting of any person or class of persons to carry out work in any occupation in any agricultural or industrial undertaking, constructional work, statutory body, local government authority, trade, business or place of work other than under a contract of service entered into with the owner or principle of such undertaking, constructional work, trade, business or place of work, or with that statutory body or local government authority.

Dalam mengadakan perintah ini semua orang atau kumpulan orang yang dinyatakan dalam perintah ini akan jadi employer atau employee untuk tujuan Employment Ordinance dan lain-lain undang-undang. Menteri juga akan diberikan kuasa untuk mengecualikan atau memisahkan orang-orang dan kumpulan orang ini daripada dipengaruhi oleh kuatkuasaan peruntukan Ordinance ini. Saya sudah berkali-kali menegaskan dalam Dewan ini bahawa penindasan terhadap contract labour berlaku di Malaysia melalui cara contract labour system dengan mengizinkan majikan memperoleh buruh murah supaya mereka dapat elakkan tanggungjawab terhadap pekerja-pekerja mereka seperti keselamatan kerja, faedah-faedah perubatan, faedah-faedah bersalin, Kumpulan E.P.F., cuti dan lain-lain.

Oleh yang demikian, seorang penoreh getah yang dikontrek untuk bekerja ini boleh dibayar serendah-rendahnya \$40 sebulan. Jika ikut kadar MAPA gaji untuk seorang penoreh getah ialah \$4 sehari. Saya dapat tahu bahawa sekurang-kurangnya ada 100,000 hingga 150,000 orang penoreh getah yang ditindas sebagai hamba gajian. Juga didapati banyak penipuan pada timbangan (weighing), baik latex atau kelapa sawit.

Buruh kontrek ini juga adalah sangat biasa di lain-lain sektor ekonomi. Dalam perbincangan Titah Di Raja pada 16hb April, 1974 saya telah menyeru supaya sistem buruh kontrek ini hendaklah dibatalkan dan diperuntukkan. Di mana kerja adalah bersifat permanent, maka sistem kontrek ini adalah

jelas ditujukan untuk menafikan perkhidmatan keselamatan dan lain-lain faedah kepada kaum pekerja sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Dalam kes ini, sistem kontrak ini hendaklah dimansuhkan. Di mana kerja adalah bersifat untuk sementara waktu dan tidak mungkin untuk memakai pekerja yang sepenuh masa, maka buruh kontrak adalah diizinkan tapi peruntukan-peruntukan harus diadakan. Bukan sahaja itu, di dalam tahun 1974, terdapat dua kes Industrial Court yang mendesak pihak Kerajaan bahawa masanya sudah sampai untuk meminda, abolish atau regulate contract labour. Seperti kes R. Vengettasamy versus Luen Hoe Estate, satu kes besar di mana award diberi oleh President of the Industrial Court, Encik Abraham, saya tidak payah sebut perkataan-perkataan atau extract di mana beliau menegaskan bahawa masa sudah sampai.

Sebab itu bertambah pula tekanan hebat bagi tindakan Kerajaan untuk mencegah penyalahgunaan yang berasal daripada buruh kontrak ini. Yang Berhormat Menteri Buruh telah mengumumkan pada tahun yang lepas bahawa beliau telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada tiga pihak yang berkenaan, iaitu wakil-wakil dari Kementerian, majikan dan Kesatuan Sekerja untuk mengidentifikasi masalah-masalah, jika ada, yang timbul akibat daripada penggunaan kontrak buruh di industri-industri yang besar, umpamanya:

- (a) pemakaian (engagement) pekerja-pekerja sebagai kontraktror yang tersendiri (independent contractors);
- (b) engagement pekerja-pekerja melalui kontraktror untuk bekerja;

dan membuat recommendation kepada Kerajaan mengenai kontrak buruh dan apa undang-undang baru digubal untuk mengawalinya. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh bekas Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Buruh, Yang Berhormat Encik S. Subramaniam. Jawatankuasa khas ini tidak pernah membuat apa-apa laporan secara terbuka, dan ini adalah sangat-sangat dikesalkan kerana jawatankuasa ini tidak menjalankan satu kajian yang di dalam masalah kontrak buruh di negara ini tidak dengan mendalamnya dikaji. Saya tahu jawatankuasa ini tidak kaji kesan-kesan (effects) kontrak labour di construction industry, satu bidang di mana contract

labour digunakan. Ini telah menimbulkan soalan samada Yang Berhormat Menteri Buruh telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji masalah kontrak buruh ini hanya sebagai showcase sahaja. Oleh kerana menurut terms of reference, jawatankuasa khas ini telah membuat recommendation apa undang-undang yang patut digubal dan saya tahu as late as May tahun ini Jawatankuasa Subramaniam ini telah bermesyuarat untuk mengkaji perakuan-perakuan yang ia hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Wakil-wakil pihak Kesatuan-kesatuan yang ada dalam jawatankuasa ini tidak tahu bahawa pada 12hb April, 1976 iaitu satu bulan dahulu Yang Berhormat Menteri—telah kemukakan untuk first reading kepada Dewan ini Rang Undang-undang (Pindaan) Employment Ordinance, di mana telah termaktub ada pindaan mengenai contract labour. Apa gunanya Jawatankuasa ini didirikan untuk kaji apa-apa recommendation untuk menentukan apa undang-undang yang harus digubal. Sebelum jawatankuasa itu habiskan perbincangannya, Bill ini telah masuk dan mereka tak tahu. Itulah main-main wakil-wakil pekerja. Itulah sangat dikesalkan. Kita mahu satu jawatankuasa yang mempunyai erti dan authority untuk membuat satu laporan terbuka yang boleh dijadikan guideline untuk semua rakyat. Oleh kerana masalah ini besar tetapi nampaknya ini tidak dibuat. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Employment Ordinance untuk mengawal contract labour adalah tidak memuaskan hati dan tidak akan dengan asasnya dapat mengatasi soalan penindasan pekerja melalui sistem kontrak. Sebab itu sangat dikesalkan bahawa jawatankuasa ini merupakan satu farce dan charade.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah seksyen 2A (1) yang baru ini Yang Berhormat Menteri Buruh boleh dengan perintah (by order) mencegah kontrak buruh di mana-mana kegiatan pertanian atau perusahaan, pembinaan, badan berkanun, pihak Kerajaan, perniagaan atau tempat kerja. Menteri ini ada diberikan kuasa pengecualian yang berlipat dalam Seksyen 2A (3):

"notwithstanding sub-section (1) the Minister may by order approve the employment of any person or class of persons by such other person or class of

persons (not being the principal or owner) as he may specify but subject to such conditions as he may deem fit to impose."

Seksyen 2b adalah memberikan kuasa lebih besar secara am kepada beliau, dan berbunyi:

"The Minister may by order exempt or exclude, subject to such conditions as he may deem fit to impose, any person or class of persons from all or any of the provisions of this Ordinance."

Kita akan kembali kepada Seksyen 2b kemudian.

Peruntukan-peruntukan ini bererti mengambil sesuatu yang diberikan—di mana Menteri boleh mengarah larangan pada satu pihak, dan mengarah pengecualian pada pihak yang lain. This means taking away with one hand what is given by the other.

Apakah criteria ini? Adakah kontraktor-kontraktor M.C.A. yang boleh dapat layanan khas, dan lain-lain yang membuat sumbangan politik yang besar? Kita mahu satu criteria yang ditetapkan supaya tidak ada kemungkinan salahgunaan

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta tarik balik nama kontraktor M.C.A. atau lain-lain. Jangan impute improper motives sebab Yang Berhormat Menteri menjadi President M.C.A.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik perkataan kontraktor M.C.A. Adakah kemungkinan kontraktor-kontraktor memandang kepada ka-tan mereka dengan parti-parti politik atau parti-parti yang ada memberi derma kepada M.C.A. UMNO atau apa-apa parti boleh dapat layanan khas. Apakah control, apakah jentera dan mechanism untuk mengatasi ini. Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan biasa kuatir apabila ada apa-apa undang-undang untuk mencegah contract labour, tetapi sekarang nampaknya tidak akan kuatir kerana mereka berpuashati bahawa dengan kuasa ini yang terletak di dalam tangan Yang Berhormat Menteri mereka tidak takut kuasa-kuasa ini akan digunakan bertentangan dengan kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 15 (2), Kerajaan hanya mencadangkan beberapa pindaan pada perkataan pada Seksyen 15 (2). Saya sangat terperanjat ketika melihat Kerajaan tidak mengambil peluang ini untuk meminda Seksyen 15 (2) bagi menjelaskan

kedudukan yang sebenarnya tentang seorang pekerja yang sedang menyertai strike yang sah dan mempunyai alasan yang memuaskan untuk absent kerana mogok yang sah ini. Saya telahpun menyeru pada 16-4-74 di Dewan ini untuk membuat sedikit pindaan. jika diterima ianya akan menamatkan kesusahan dan penderitaan kaum pekerja dan memberhentikan eksploitasi terhadap pekerja-pekerja.

Memang ini adalah yang selama ini ditentang oleh pihak majikan dan Yang Berhormat Menteri mendengar mereka sahaja. Fasal 15 (2) dalam Fasal 11 Rang Undang-undang alah mengena mengikut Employment Ordinance 15 (2) berbunyi:

"A labourer shall be deemed to have broken his contract of service with the employer if he has been continuously absent from work for more than two days without prior leave from his employer or without reasonable excuse, or without informing or attempting to inform his employer of the excuse for such absence."

Apabila seorang ada pekerja-pekerja dalam "official strike" mereka tentu bukan dua hari; lebih dua hari tetapi majikan ada kata ini "absence without reasonable excuse", dibuang kerja, ini adalah sebabnya mengapa majikan menentang apa perubahan-perubahan. Ada satu kes yang jelas dan nyata iaitu South-East Asia Firebricks di mana 73 orang pekerja masih di larang memasuki tapak kilang tersebut walaupun Mahkamah Persekutuan telah membuat satu keputusan untuk mengambil balik mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selepas order of the Industrial Court was upheld by the Federal Court baharu-baharu ini, dan saya dapat tahu pada hari Isnin minggu yang lalu Federal Court telah menolak satu application for stay of proceedings while granting conditional leave to the employers to appeal to the Privy Council.

Sungguhpun pekerja-pekerja telah membuat official complaint kepada Peguam Negara dan memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Buruh mengenai sikap South-East Asia Firebricks tetapi selepas dua tahun pekerja-pekerja dan sungguhpun mereka menang mereka tidak dibenarkan masuk kilang. Sungguhpun ada Mahkamah, sekiranya ada (Pindaan) 15 (2) bahawa seorang pekerja-pekerja "on strike", strike

ialah satu "legal remedy" di bawah Undang-undang kita absent on reasonable excuse tidak payah kes itu dibawa ke Privy Council, bagi majikan Privy Council tak apa, tetapi bagi pekerja-pekerja mereka terpaksa tunggu dua tahun; termasuk anak-anak, keluarga-keluarga. Kenapa tidak boleh buat satu pindaan yang kecil bahawa "An employee on strike will be deemed to be absent with reasonable excuse". Itu menunjukkan sikap pihak Kementerian Buruh yang tidak ber-simpati dengan kesusahan-kesusahan kaum-kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja giliran "shift workers", ada lain-lain pindaan yang sangat-sangat merugikan kepentingan-kepentingan kaum-kaum pekerja. Sebagai contohnya Clause 23 dalam Rang Undang-undang ini yang menetapkan satu definisi tentang hari rehat bagi pekerja-pekerja yang bekerja giliran sebagai any continuous period of not less than 24 hours. Ini ialah bererti bahawa seorang pekerja yang bekerja giliran, 2.00 petang sampai 10.00 malam ini bila dikehendaki bekerja pada hari yang kedua selepas weekly rest day is given pada jam 10.00 malam pada hari yang berikut dengan alasan kerana ia telah berehat 24 jam terus-menerus.

Ini akan mempengaruhi kehidupan biasa seseorang pekerja dan juga ini berbau ketika kemanusiaan dan seorang pekerja tidak boleh dapat hidup ordinary family life. Dan lagi dalam Clause 24 Rang Undang-undang ini yang memperuntukkan satu seksyen-kecil (3) yang baharu bagi Seksyen 60 untuk menetapkan asas yang terendah dan baharu bagi pengiraan bayaran pada kerja ini di hari rehat di bawah peruntukan sekarang in the Employment Ordinance "any labourer who at the request of his employer works on a rest day shall be paid an extra day's ordinary rate of pay for that day".

Di bawah pindaan yang baru sekarang, seorang pekerja akan menerima bayaran yang lebih kurang. Dalam seksyen-kecil (3) yang baru ini adalah diperuntukkan bahawa "an employee employed on a monthly rate of pay who works on a rest day, he shall be paid for any period of work:

- (i) which does not exceed half his normal hours of work, wages equivalent to half the ordinary rate of pay for work done on that day; and

- (ii) which is more than half but which does not exceed his normal hours of work, one day's wages at the ordinary rate of pay for work done on that day"—i.e. provision for a lower payment.

Pindaan-pindaan ini adalah tidak sesuai.

Seksyen 60C adalah dipinda juga, tetapi dahulunya ia berbunyi: "no labourer who is engaged under his contract of service in regular shift work shall under any circumstances work for more than twelve hours in any one day".

Pindaan sekarang kepada Seksyen 60C ini memperuntukkan bahawa seorang pekerja boleh dikehendaki bekerja lebih dari 12 jam. Sekali lagi ini merupakan satu pindaan yang bertentangan dengan kepentingan kaum pekerja.

Seksyen 2B yang baharu ini adalah merupakan lebih dahsyat, satu peruntukan yang perlu diperhatikan dengan seriosnya. Seksyen 2B baharu berbunyi:

"The Minister may by order exempt or exclude, subject to such conditions as he may deem fit to impose, any person or class of persons from all or any of the provisions of this Ordinance."

Apakah gunanya jika kita luluskan satu Ordinance, tetapi Menteri mempunyai kuasa (power) untuk mengecualikan semua pindaan merupakan satu pindaan yang sangat luar biasa dan mempunyai effect yang akan memberi Yang Berhormat Menteri untuk mengecualikan kuatkuasaan mana-mana satu peruntukan yang ada di dalam Ordinance ini. Ordinance Pekerjaan ini adalah bertujuan memberi syarat-syarat minima, "to impose minimum conditions of work" dan kehendak-kehendak minima mengenai perkhidmatan pekerja-pekerja dan pihak majikan dicegah daripada membuat apa yang rendah daripada ini. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri tadi ada memberi satu alasan mengenai Harun Report, sekiranya untuk case itu sahaja kenapa tidak disebut seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam di mana boleh restrict untuk satu perkara yang specific tetapi satu kuasa yang am seumpama ini di mana boleh mengecualikan kuatkuasaan apa-apa peruntukan di dalam Ordinance 55 tidaklah untuk kepentingan kaum pekerja. Itu lagi satu contoh, di mana dahulu setiap employee has a right, cannot be exempted, sekarang boleh exempted. Bukankah itu take away? Itulah tujuannya.

Dengan ini Seksyen 7 yang baharu akan dipinda pun tidak mempunyai apa-apa erti lagi. Seksyen 7 dalam Ordinance yang menetapkan bahawa, "no condition of any contract of service shall be contrary to the provisions of this Ordinance and any such conditions which is contrary to such provisions of this Ordinance shall be void and of no effect." Yes, but you take it away. You take away power to exempt

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat hendak bercakap ini?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi?

(Tuan Lim Kit Siang: Bill ini sangat mustahak, ada lebih 50 Clauses.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau dicampurkan semuanya Bahasa Malaysia dengan Inggerisnya lebih banyak lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baiklah, kalau mustahak, boleh sambung esok.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

BUMIPUTRA DALAM BIDANG PERNIAGAAN

6.30 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, tajuk ucapan saya pada petang ini ialah Bumiputra di Luar Bandar dan Peranannya Dalam Perniagaan.

Dalam Malaysia kita yang penuh indah ini mengandungi sumber-sumber semula jadi yang baik, seseorang akan merasa ragu-ragu bagaimana keadaan taraf penghidupan dan keadaan yang lain untuk setiap warganegara

mesti mengandungi orang-orang bumiputra dan peranan mereka dalam semua bidang perniagaan adalah sungguh menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini, saya ragu-ragu siapakah yang akan mengambil berat serta merancang untuk meningkatkan lagi bumiputra dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Pada masa penjajahan British dahulu, mereka telahpun ditolak ke tempat-tempat pendalaman tanpa bertimbang rasa. mereka telah dilayan sebagai orang yang tidak dikehendaki oleh orang yang lain, dan tidak ada seorang pun untuk memikirkan bagaimana kaum bumiputra ini boleh ditingkatkan lagi dalam ertikata sosial dan ekonomi agar mereka juga diberi tempat yang sama dan adil dalam masyarakat kita hari ini.

Setelah kemerdekaan dan di bawah pimpinan yang dinamis oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak kita telah insaf bahawa kebanyakan dari mereka yang kurang bernasib baik adalah ditempatkan di luar bandar di mana mereka menjadi tulang belakang negara dan kebanyakannya adalah terdiri daripada bumiputra dan juga orang-orang India.

Apabila sekim rancangan pembangunan telah diadakan, semua kemudahan-kemudahan yang dinikmati oleh orang-orang desa hari ini adalah hasil dari usaha-usaha oleh pemimpin agong kita iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Beliau telahpun pulang ke rahmatullah dan mimpinya masih belum menjadi kenyataan lagi, yang saya maksudkan ialah peranan bumiputra dalam bidang perniagaan. Setelah diadakan dua Rancangan Malaya dan dua Rancangan Malaysia dan telah banyak mengadakan agensi-agensi Kerajaan hasil daripadanya apa yang dapat kita saksikan pada hari ini ialah beberapa orang bumiputra hanya berniaga sebagai menyimpan kedai-kedai kopi, kedai-kedai runcit dan sebagainya. Apakah yang telah menjadi salah, dan siapakah yang harus disalahkan? Saya rasa kita sahajalah yang harus disalahkan, kerana kita telah tidak merangka satu jalan atau membolehkan mereka memahami jalan yang betul. Kebanyakan bumiputra dari kawasan-kawasan luar bandar ada berminat untuk memasuki bidang perniagaan, tetapi apa yang menjadi masalah sekarang ialah mereka yang benar-benar berhajat untuk berniaga telah tidak

diberi pinjaman, oleh kerana mereka tidak memakai pakaian-pakaian lengkap seperti coat dan tali leher. Akan tetapi mereka yang berpakaian lengkap diberikan pinjaman dengan senang sekali, malangnya mereka ini telah mendapat pinjaman itu dan kemudian tidak membayarnya balik.

Tuan Yan di-Pertua, dalam kawasan pilihanraya saya di Sungai Siput, bilangan bumiputra melebihi 35,000 orang, tetapi apakah peranan mereka dalam bidang perniagaan? Tetapi tidak ada apa-apa peranan, cuma mereka memiliki sebuah kedai kopi, sebuah kantin, sebuah kedai kuih dan nasi lemak sahaja—jumlahnya empat. Seorang bumiputra bangsa Melayu yang mempunyai otak yang baik dan berkebolehan telah bercadang hendak menubuhkan sebuah kedai kain, tetapi masih lagi menghadapi masalah untuk menubuhkan kedai itu kerana ia telah gagal untuk mendapat pinjaman dari mana-mana pihak juapun. Apakah yang akan terjadi kepada dia? Dia akan hilang minatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menubuhkan MARA dan PERNAS untuk menolong mereka sedikit-sebanyak untuk memberi pengetahuan, tetapi apakah agensi-agensi ini sedang buat? Agensi-agensi ini menjadikan sukar untuk bumiputra mendapat pertolongan-pertolongan. Maka sesuatu kebolehan yang ada pada bumiputra telah menjadi sia-sia belaka, sebagai contohnya, MARA. Apabila saya menulis surat bertanya untuk menubuhkan satu kilang biskut di Sungai Siput supaya bumiputra boleh membeli saham-saham dan menjadi tuan punya perusahaan ini, dukacita saya mengatakan bahawa jawapan dari MARA telah mengambil masa selama enam bulan. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya beginilah sukarnya sesuatu urusan dijalankan, bolehkah kita mencapai 30 peratus penyertaan bumiputra pada tahun 1990? Pasti tidak boleh. Untuk mengelakkan kesemua ini, MARA harus membuka cawangan untuk mempergunakan sumber-sumber di luar bandar dari bumiputra dan memberi galakan agar dia menyimpan sepuluh ringgit sekurang-kurangnya untuk sebulan. Saya tidak fikir tidak ada seorang pun yang tidak boleh menyimpan sepuluh ringgit sebulan. Apa yang mereka perlu buat ialah mengurangkan menghisap rokok satu bungkus sehari; berilah mereka saluran-saluran yang tertentu untuk menyimpan wang-wang mereka untuk mereka

membuka perusahaan. MARA boleh menubuhkan kedai-kedai kecil di pekan-pekan kecil. Tetapi bukanlah di tempat-tempat yang tersembunyi. Tidak bermakna kalau kita mengatakan kita telah membina 1,000 buah kedai; apa yang penting ialah untuk memberi kedai-kedai untuk bumiputra supaya perniagaan mereka menjadi baik.

Dalam pembinaan kedai, beberapa faktor yang harus ditimbangkan iaitu penempatan, penusatan, penglihatan, adalah faktor-faktor yang penting yang menolong mewujudkan peluang perniagaan.

PERNAS menubuhkan agensi-agensi pengedaran di luar bandar dan menggunakan kedai-kedai ini untuk mengedarkan barang-barang. Berilah kepada mereka pinjaman-pinjaman untuk masa jangka panjang atau kemudahan-kemudahan pinjaman, tidak berguna menghantarkan setengah bumiputra yang berpelajaran ke England atau negeri-negeri Barat untuk belajar taktik-taktik perniagaan, tetapi pilihlah setengah dari mereka yang berkebolehan dan dedikasi. Katakan 100 orang anak-anak bumiputra setiap tahun di bawah rancangan latihan Kerajaan dan hantarkanlah mereka ke kedai-kedai kepunyaan orang-orang China dan India untuk mendapat latihan. Saya pasti dalam masa satu tahun budak-budak ini akan lebih mahir dari mereka yang mendapat latihan dari negeri-negeri barat. Saya percaya badan-badan perniagaan China dan India bersedia untuk menolong bumiputra. Berilah kepada mereka tanggungjawab untuk memahami beberapa jenis latihan dalam perniagaan untuk membolehkan setiap dari mereka belajar dan mempunyai rasa tanggungjawab yang mana akan membawa kebaikan kepada mereka dan juga negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya suka menyeru agensi-agensi Kerajaan memahami bahawa apa-apa yang saya katakan di sini ialah untuk masa hadapan saudara-saudara Melayu. Mereka adalah satu kumpulan manusia, di mana saya telah dilahirkan, hidup dan mati saya akan bersama-sama mereka. Adalah menjadi mustahak memahami bahawa bukan hanya seorang Melayu sahaja yang harus memikirkan tentang masalah-masalah kaum Melayu, malahan seorang yang bukan Melayu, tetapi menjadi seorang Malaysia juga boleh berbuat demikian.

638 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas Ucapan Penangguhan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagi menjawab dengan ringkasnya pada hemat saya tidaklah berapa betul Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan tidak memberi perhatian yang cukup kepada bumiputra di luar bandar untuk membantu mereka menjalankan perusahaan-perusahaan dan perdagangan-perdagangan ataupun perniagaan.

Sebagaimana kita sedia maklum penduduk-penduduk luar bandar adalah terdiri daripada petani-petani, peladang-peladang, nelayan-nelayan, dan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti berkait dengan pertanian. Memandangkan keadaan yang sedemikian, maka Kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi yang berusaha untuk memajukan keadaan ekonomi rakyat di luar bandar yang berkait dengan kegiatan-kegiatan pertanian. Agensi-agensi itu adalah seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, L.P.N. MARDI, FAMA, MAJUIKAN, MAJUTERNAK dan sebagainya. Di samping itu Kerajaan juga telah mengambil berat tentang mereka yang tinggal di luar bandar yang ingin menumpukan perhatian untuk menceburkan diri di dalam bidang perniagaan. Di antara agensi-agensi Kerajaan yang lain, MARA adalah satu agensi yang menjalankan perkhidmatan menyediakan bangunan-bangunan perniagaan untuk peniaga-peniaga di luar bandar. MARA mendirikan bangunan perniagaan seperti gerai-gerai, bazaar dan sebagainya di pekan-pekan kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Sehingga akhir tahun 1975, MARA telah menyediakan sebanyak 319 gerai-gerai perniagaan dan 350 yunit bazaar di pekan-pekan kecil untuk memberi peluang kepada peniaga-peniaga bumiputra yang kecil.

Menyentuh tentang cadangan Yang Berhormat supaya MARA menubuhkan sebuah pejabat khas untuk mendirikan kedai-kedai kecil itu, maka ini saya rasa tidak payah lagi dibuat oleh sebab sudah pun ada Pejabat MARA di tiap-tiap daerah yang ada bertugas untuk mengadakan kedai atau tempat-tempat yang layak bagi mendirikan kedai itu.

Tentang cadangan Yang Berhormat supaya MARA mengadakan kemudahan bagi bumiputra menyimpan wang \$10 sebulan itu, sukalah saya memaklumkan rancangan ini

memang sudah juga ada, sudah dijalankan oleh MARA melalui anak syarikatnya yang bernama Amanah Saham MARA Nominees Berhad—anak kepada Kompleks Kewangan Malaysia Berhad dan boleh disertai dengan cara menjadi ahli dalam Rancangan Simpanan Jimat Cermat Kebangsaan dan membuat caruman minima bulanan sebanyak \$5 sahaja; kalau \$10 atau \$50 sebulan, lebih bagus lagi. Jadi itu memang sudah ada dan bahagian anak syarikat ini akan memberi publisiti yang lebih lagi kepada peniaga kecil bumiputra.

Saya suka juga menjawab berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat iaitu MARA memberi pinjaman cuma kepada mereka yang memakai tali leher atau necktie sahaja. Itu pada hemat saya tidak betul kerana MARA telah banyak memberi pinjaman kepada bumiputra biasa yang tidak memakai baju lawa seperti yang kita pakai pada hari ini. Mereka mendapat layanan yang seadil-adilnya.

Suka juga saya sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi nama peniaga yang bercadang hendak berniaga kain di kawasan Ahli Yang Berhormat itu supaya dapat Kementerian saya menyiasat berkenaan dengan perkara itu.

Ahli Yang Berhormat menyentuh juga berkenaan dengan PERNAS. Sebenarnya PERNAS bukanlah di bawah Kementerian saya, walaupun begitu saya sedar bahawa PERNAS memang ada menjalankan "PERNAS-EDAR" dan PERNAS memberi latihan untuk bumiputra berniaga dan juga MARA menghantar semua bumiputra yang bercadang hendak berniaga ke luar negeri. Memang kita ada menghantar anak-anak bumiputra dan melatih mereka dalam lapangan perniagaan di kedai-kedai kecil.

Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya anak-anak bumiputra dihantar ke kedai-kedai China dan India untuk dilatih. Saya sukacita sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi pada saya senarai orang-orang yang sanggup hendak melatih anak bumiputra berniaga di kedai-kedai. Setahu saya sangat sukar bagi pihak MARA untuk menghantarkan penuntut-penuntut yang mengambil kursus perniagaan kecil di Instituit Kemahiran MARA untuk dihantar berlatih ke kedai bukan bumiputra, sangat sukar untuk mendapatkan tempat, kecuali

MARA dapat menghantar ke kilang-kilang dan juga di kedai-kedai yang ditubuhkan oleh Kerajaan sendiri, oleh agensi Kerajaan. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dapat memberi nama-nama kedai di mana kita boleh menghantar anak-anak bumiputra, saya sangatlah berterima kasih.

Sekianlah jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 hari esok, 15hb Julai, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.47 petang.